ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

Daripada Anas bin Malik berkata : "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak keluar pada waktu pagi Hari Raya Fitrah sehinggalah Baginda makan (terlebih dahulu) beberapa biji tamar dan Baginda memakannya dalam bilangan ganjil."

(Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.52 | SUBUH 5.02 | SYURUK 6.20 | DUHA 6.42 | ZUHUR 12.26 | ASAR 3.26 | MAGHRIB 6.29 | ISYAK 7.38

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 39 | 31 MAC 2025 / 1 شوال 1446 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# ELAKKAN PEMBAZIRAN, BERSYUKUR ATAS NIKMAT DIKURNIAKAN

Oleh : Srinarawie Bidzah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman (*Lihat muka 2*).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah Hari Raya Aidilfitri adalah merupakan hari kemenangan bagi seluruh umat Islam setelah berjaya melakukan puasa Ramadan sebulan penuh.

"Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam perkara mengetengahkan keunikannya, terus mengekalkan perpaduan di antara penduduknya.

"Malah dengan perpaduan itu menjadi pemangkin kepada ketamadunan bangsa.

"Oleh itu, bulan Syawal menjadi peluang terbaik untuk kita mengeratkan lagi perpaduan yang sedia ada melalui silaturahim semua kita," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman, di sini.

>> Muka 2

# NBD sambut kedatangan Syawal

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BERAKAS**, Ahad, 30 Mac. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Yang Berhormat, Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 Syawal 1446 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) jatuh pada hari Isnin, 31 Mac 2025 Masihi, sekali gus menandakan sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1446 Hijrah di negara ini.

Permakluman tersebut adalah hasil persidangan daripada hasil merukyah anak Bulan Syawal 1446 Hijrah pada tahun ini dari tempat-tempat yang ditentukan dan ketetapan persidangan tersebut telah disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 3

# JPM adakan Majlis Sumbangan Derma Hari Raya Aidilfitri, Sambutan Nuzul Al-Quran

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini telah mengadakan Majlis Sumbangan Derma Hari Raya Aidilfitri dan Sambutan Nuzul Al-Quran bagi tahun 1446 Hijrah bersamaan dengan 2025 Masihi bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 4

# Gempa bumi : Penduduk NBD di Myanmar, Thailand selamat

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Berikutan dengan gempa bumi dan satu siri gempa susulan yang telah melanda Myanmar dan menjejaskan Thailand pada 28 Mac 2025, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) menegaskan bahawa penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) berdaftar dengan Kedutaan NBD di negara-negara ini selamat dan diambil kira.

Kedutaan NBD di Yangon dan Kedutaan NBD di Bangkok akan terus mengekalkan hubungan dengan NBD di negara masing-masing dan memantau keadaan dengan teliti. Para warganegara yang melawat Bangkok juga dinasihatkan untuk memberi perhatian kepada nasihat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai keadaan di Myanmar dan Thailand yang mempengaruhi warganegara boleh dibuat kepada KHELN di talian +673 871 6001 dan Kedutaan NBD di talian Bangkok +66 92 270 9382 atau e-mel ke bangkok.thailand@mfa.gov.bn.

KHELN ingin memaklumkan rakyat NBD dan penduduk tetap mengenai kepentingan menggunakan e-register yang terdapat di laman sesawang KHELN di mfa.gov.bn ketika melakukan perjalanan ke luar negara untuk segera memastikan keberadaan mereka semasa keadaan kecemasan atau krisis.

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

## Berita Utama



KEMENTERIAN Pertahanan adakan Majlis Khatam Al-Quran
Muka 4



MAHKAMAH Syariah adakan Majlis Penutup Tadarus
Muka 7



MEMBELI-belah di saat akhir meriahkan ketibaan Syawal
Muka 18



RENCANA
SANTUNI autisme, autisme bukan kekurangan tapi perbezaan
Muka 21

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

# AMALAN BERKONGSI REZEKI TANDA BERSYUKUR KEPADA ALLAH

Oleh : Srinarawie Bidzah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Mac. - Maka atas asas ini juga, hukum Zakat Fitrah dan Zakat Harta adalah mengajar kita bagaimana berkongsi rezeki di antara sesama kita dengan tidak mengabaikan golongan asnaf yang berhak menerima zakat.

Amalan mulia berkongsi rezeki melalui penunaian zakat, adalah merupakan syiar dan tanda kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat-Nya yang tidak putus-putus kepada kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman, di sini.

"Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

"Beta ingin mengambil peluang di sini untuk menyeru seluruh warga Islam di negara ini untuk terus tekun melaksanakan amalan ibadat pada bulan-bulan seterusnya sebagai kesinambungan kepada bulan Ramadan.

"Termasuk juga ibadat ialah pekerjaan dan tugasan kita seharian. Ini juga jangan diabaikan kerana mengabaikannya bererti mengabaikan ibadat," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sesungguhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, melaksanakan tugasan dan pekerjaan yang diamanahkan, juga mampu untuk membuka pintu rahmat mengundang rezeki yang halal dan berkat untuk kita dan negara.

"Akhirnya, beta dan seluruh ahli kerabat beta sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Al-Mubarak kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana sahaja mereka berada, semoga kita semua sama-sama berada dalam keadaan sejahtera, sihat walafiat dan selamat di bawah naungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin," titah baginda lagi.

## Elakkan pembaziran, bersyukur atas nikmat dikurniakan

>> Muka 1

Baginda seterusnya bertitah, sesungguhnya, pengukuhan silaturahim adalah tunjang utama kepada pembangunan sesebuah negara dan ia juga adalah paksi kepada pembentukan jati diri bangsa.

"Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.

"Kemenangan yang kita raih pada hari ini, bukanlah untuk satu golongan yang bernasib baik sahaja, tetapi kita juga dituntut untuk lebih prihatin terhadap golongan yang kurang bernasib baik," titah baginda lagi.

Oleh itu tekan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah, kita tidak boleh menutup mata terhadap saudara - saudara seagama kita di seluruh dunia yang sedang bergelut dengan konflik dan penindasan.

Sekurang - kurangnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, kalau pun bukan dengan bantuan mata benda, tetapi dengan bantuan doa pun adalah tetap menjadi kewajipan juga.

"Dalam kemeriahan Aidilfitri ini, kita sewajarnya mengelakkan pembaziran dan sebaliknya banyak bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan.

"Inilah antara hikmah Ramadan dan Syawal untuk mengajar kita bagaimana menerapkan keprihatinan dan kesyukuran," ujar titah baginda lagi.

Terdahulu itu dalam titah, Kebawah DYMM bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, kita semua dapat menikmati dan dan meraikan Hari Raya Aidilfitri di bulan Syawal yang mulia ini.

## WAKTU SEMBAHYANG

| MAC MASIHI | HARI | SYAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 31 | ISNIN | 1 | 4.52 | 5.02 | 6.20 | 6.42 | 12.26 | 3.26 | 6.29 | 7.38 |
| 1 (APRIL) | SELASA | 2 | 4.52 | 5.02 | 6.19 | 6.42 | 12.25 | 3.26 | 6.29 | 7.38 |
| 2 | RABU | 3 | 4.51 | 5.01 | 6.19 | 6.41 | 12.25 | 3.25 | 6.29 | 7.38 |
| 3 | KHAMIS | 4 | 4.51 | 5.01 | 6.18 | 6.41 | 12.25 | 3.25 | 6.29 | 7.38 |
| 4 | JUMAAT | 5 | 4.50 | 5.00 | 6.18 | 6.40 | 12.24 | 3.26 | 6.29 | 7.38 |
| 5 | SABTU | 6 | 4.50 | 5.00 | 6.18 | 6.40 | 12.24 | 3.26 | 6.28 | 7.38 |
| 6 | AHAD | 7 | 4.50 | 5.00 | 6.17 | 6.39 | 12.24 | 3.27 | 6.28 | 7.38 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 / 27 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 / 27 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| Pekan Tutong | 33 / 27 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |
| Kuala Belait | 33 / 27 °C | 32 / 25 °C | 32 / 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

31 MAC 2025

### Raikan Hari Raya Aidilfitri ikut kemampuan

**ALHAMDULILLAH** marilah kita memanjatkan rasa kesyukuran kita kerana dapat meraikan hari kemenangan kita di bulan Syawal yang mulia ini setelah sebulan berpuasa di bulan Ramadan. Mudah-mudahan kita diberikan umur panjang untuk bertemu dengan bulan Ramadan yang akan datang.

Lazimnya pada malam menjelang Aidilfitri, orang ramai sibuk membeli-belah untuk menyediakan persiapan Hari Raya Aidilfitri pada saat-saat akhir. Dengan ekspo-ekspo jualan yang berlangsung pada ketika ini, sudah setentunya memberikan pelbagai pilihan kepada para pengguna dengan harga-harga yang berpatutan.

Dalam sibuk berbelanja dan membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri ini, perlu kita ingat untuk sentiasa berhemah dalam berbelanja. Jangan amalkan sikap pembaziran kerana ia akan merugikan diri sendiri.

Jangan terlalu ikutkan hawa nafsu untuk mengikut trend-trend dan sudah diketahui ia di luar kemampuan kita. Bersederhanalah dalam membuat persiapan Hari Raya Aidilfitri kerana bulan Syawal hari kemenangan umat Islam selepas sebulan berpuasa di bulan Ramadan. Ia adalah masa untuk bersyukur, bermaaf-maafan, dan mempereratkan hubungan silaturahim.

Walaupun Hari Raya adalah waktu untuk merayakan kemenangan, kita disarankan untuk tidak berlebihan dalam berpakaian, makanan, atau perhiasan. Islam mengajarkan agar kita tidak membazir atau bermegah-megah, sebaliknya lebih mengutamakan nilai kebersamaan dan kekuatan ukhuwah.

Bulan Syawal memberi peluang kepada umat Islam untuk terus meraih keberkatan dan terus memperbaiki diri selepas Ramadan, serta mengingatkan kita untuk tidak hanya bersyukur pada bulan Ramadan tetapi juga dalam kehidupan seharian.

Amal ibadat kita tidak hanya berhenti di bulan Ramadan saja, lipat gandakanlah lagi amalan kita di bulan seterusnya.

Bersederhana di bulan Syawal bukan sahaja akan membantu kita menjaga keberkatan, tetapi juga memastikan kita dapat menikmati keindahan dan kebahagiaan dalam suasana yang penuh dengan keberkatan tanpa melampaui batas. Dengan bersederhana, kita dapat menonjolkan sifat tawaduk dan menjauhkan diri daripada sifat bermegah-megah.

Dengan merayakan Syawal mengikut kemampuan, kita dapat menghindari pembaziran dan tekanan kewangan, serta memberi fokus pada nilai-nilai ukhuwah, kebersamaan, dan penghayatan terhadap keindahan bulan Syawal itu sendiri. Untuk akhirnya, Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua. **- Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAKZIAH

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Chairman of the State Administration Council, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Senior General Min Aung Hlaing berikutan dengan kejadian gempa bumi baru-baru ini yang melanda beberapa wilayah di Republik Kesatuan Myanmar dan juga kepada Perdana Menteri Thailand, Puan Yang Terutama Paetongtarn Shinawatra berikutan dengan tragedi yang sama melanda di Bangkok, Thailand yang telah mengakibatkan kehilangan banyak nyawa dan kerosakan harta benda di kedua-dua negara tersebut.

# NBD sambut kedatangan Syawal

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa persidangan daripada Hasil Merukyah Awal Bulan Syawal 1446 Hijrah yang diadakan di Bilik As'syura, Tingkat 1, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) (atas). Sementara gambar bawah, antara lokasi yang telah ditetapkan untuk merukyah anak bulan Syawal, 1446H.**



>> Muka 1

Persidangan yang diadakan di Bilik As'syura, Tingkat 1, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) tersebut dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua MUIB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Di-Pertua MUIB; Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; serta ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan MUIB.

Pada tahun ini, lima buah lokasi telah ditetapkan untuk merukyah Anak Bulan Syawal 1446 Hijrah iaitu Daerah Brunei dan Muara di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara; dan Bukit Agok, Jerudong.

Manakala bagi Daerah Tutong bertempat di Bangunan Hilal Bukit Ambog; sementara Daerah Belait pula ialah di Bangunan Hilal Bukit Lumut.

Terdahulu, Acara Keagamaan bagi Menunggu Hasil Merukyah Awal Bulan Syawal 1446 Hijrah diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU dimulakan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Awang Muhammad Ihtifazhuddin bin Suhaili, Pelajar Tahun 11, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Diikuti dengan Tazkirah Syawal disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Nasyith bin Haji Superi.

Seterusnya, bacaan Tahlil dan Doa Arwah oleh Ketua Pemantau Zon 3, Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim, yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Azan Maghrib pula dikumandangkan oleh Bilal Tingkat 1, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis Madang, Awang Razman bin Haji Ramlee.

Sehubungan dengan itu, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri adalah pada 31 Mac 2025 di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bermula pukul 7.30 pagi.

Hasil Merukyah Awal Bulan Syawal 1446H pada petang tadi telah diumumkan secara langsung oleh Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

# Laungan takbir raya semarakkan malam Aidilfitri

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Mac. – Laungan takbir raya di masjid-masjid, balai-balai ibadat, surau-surau di negara ini mulai bergema sejurus pengumuman disiarkan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei berikutan merukyah hilal Syawal sabit kelihatan di beberapa kawasan di negara ini, menandakan 1 Syawal yang jatuh pada Isnin, 31 Mac 2025.



Takbir Hari Raya Aidilfitri berkenaan dipraktikkan sejak sekian lamanya dan ia merupakan satu syiar dalam usaha melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memberikan kesedaran kepada kita untuk mengamalkan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi larangan-Nya.

Bergemanya takbir raya berkenaan juga adalah sebagai tanda kesyukuran dan kemenangan umat Islam setelah sebulan menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan.

Pada malam ini, takbir raya sempena Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi juga dilaungkan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Ia dimulakan selepas Sembahyang Fardu Isyak dan bacaan Al-Fatihah, diikuti dengan laungan takbir.

Laungan takbir raya mengandungi pujian kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bertujuan untuk membesarkan dan mengagungkan Allah sebagai tanda kesyukuran umat Islam dan sebagai satu syiar Islam yang memperkukuh keimanan dan menyemarakkan Hari Raya.



**SEKITAR takbir raya sempena Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2025 Masihi dilaungkan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas dan bawah kiri).**

# JPM ADAKAN MAJLIS SUMBANGAN DERMA HARI RAYA AIDILFITRI, SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sumbangan Derma Hari Raya Aidilfitri dan Sambutan Nuzul Al-Quran bagi tahun 1446 Hijrah bersamaan dengan 2025 Masihi bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.**

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran dan diteruskan dengan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, iaitu Surah Al-Baqarah, ayat 183 hingga ayat 185 oleh bekas penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Muhamad Darwisy Hakimi bin Mardeny/Yakub.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi ceramah bertajuk 'Berdamping dengan Al-Quran' yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, KUPU SB, Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak yang antara lain menyentuh mengenai Al-Quran telah diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kekasih-Nya sebagai wahyu melalui Malaikat Jibril kepada seluruh umat manusia dan tidak akan hilang ditelan zaman.

Menurutnya, Allah telah menjadikan Al-Quran sebagai pelindung dan pedoman buat seluruh makhluknya dan Al-Quran itu merupakan pelengkap dalam kehidupan manusia serta petunjuk buat seluruh muslim dan mukmin.

Oleh itu katanya, bacalah ia dan tadabburlah dengan bersungguh-sungguh supaya terhindar daripada kesesatan kerana melihat hurufnya, mendengar alunan bacaannya, malah membaca isi kandungannya sudah dijanjikan ganjaran yang besar, apatah sekiranya mentadabbur dan mengamalkan segala suruhannya.

Setelah selesai Sesi Ceramah berkenaan, majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai.

Tetamu - tetamu kehormat kemudian menyempurnakan penyampaian sumbangan derma sempena Hari Raya Aidilfitri kepada 40 warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Pada tahun ini, dua majlis diadakan secara serentak yang mana Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran diadakan bagi memperingati kelebihan dalam menerapkan pembacaan Al-Quran di dalam kehidupan seharian sebagai penunjuk jalan yang betul dalam meraih keberkatan, perlindungan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala, Majlis Penyampaian Sumbangan Derma sempena Hari Raya Aidilfitri diharap akan dapat membantu meringankan beban kewangan para penerima dan memberikan keceriaan dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba tidak lama lagi.

# Kementerian Pertahanan adakan Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran melalui Program Ihya' dan Jangkauan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah.**



**SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan yang diadakan di Surau Al-Fa'izun, Berakas Garison.**

**BERAKAS**, Sabtu, 29 Mac. - Kementerian Pertahanan lewat petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran melalui Program Ihya' dan Jangkauan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah yang diadakan di Surau Al-Fa'izun, Berakas Garison, di sini.

Hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, Pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota, dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

Turut diundang selaku jemputan khas ialah wakil-wakil institusi pendidikan tinggi dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Atase Pertahanan Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Penasihat Pertahanan Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, kakitangan dan peserta-peserta kursus antarabangsa Kursus Maktab Turus Sesi 15/2025 serta Ketua-ketua Kampung, dan ahli-ahli Kadet Tentera.

Majlis yang diadakan serentak di semua surau perkhemahan ABDB, termasuk Masjid Pulau Baru-baru berkenaan merupakan penutup kepada rangkaian aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebajikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan sepanjang bulan suci Ramadan.

# KKBS ANJURKAN PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADAN



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa mengetuai rombongan Program Kembara Amal Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Daerah Brunei dan Muara dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima (kiri). Sementara gambar kanan, sekitar program berkenaan.**



Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi secara serentak di keempat-empat daerah bagi menyampaikan sumbangan berupa hamper dan barang keperluan asas kepada 17 buah keluarga daripada golongan susah termasuk penerima bantuan kebajikan bulanan daripada JAPEM, anak-anak yatim, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU), hari ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad mengetuai rombongan Program Kembara Amal Ramadan di Daerah Brunei dan Muara.

Sebanyak lima buah rumah telah dikunjungi bagi menyampaikan sumbangan tersebut yang dimulakan dari rumah pertama bertempat di Kampung Lupak Luas, Kampung Junjongan, Kampung Putat, Kampung Subok dan rumah terakhir di Kampung Rimba.

Rombongan turut disertai oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok, dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Juga turut serta, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, Ketua-ketua Jabatan, Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan daripada KKBS dan JAPEM, Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang berkenaan.

Program ini merupakan program tahunan KKBS untuk memperkukuhkan ikatan di antara pihak kerajaan dan masyarakat yang memerlukan. Diharapkan pemberian ini dapat meringankan beban orang-orang susah selain untuk memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh keriangan dan kesyukuran.

# 4 keluarga terima sumbangan KKBS di Daerah Tutong



**PENYERAHAN sumbangan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada Program Kembara Amal Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Daerah Tutong. Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri dan kanan).**

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



**TUTONG**, Sabtu, 29 Mac. - Dalam usaha menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi secara serentak di keempat-empat daerah, hari ini.

Bagi Daerah Tutong, sebanyak empat buah rumah di Kampung Kiudang, Kampung Kuala Ungar, Kampung Bukit Udal dan Kampung Sengkarai telah diberikan sumbangan berupa hamper dan barang keperluan asas.

Penyerahan sumbangan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Turut menyertai rombongan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai, dan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong, serta Ketua-ketua Jabatan, Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan daripada KKBS dan JAPEM, Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang berkenaan.

Pada tahun ini, KKBS telah menyerahkan sumbangan secara keseluruhan sebanyak 17 keluarga seluruh negara yang terdiri daripada golongan susah termasuk penerima bantuan kebajikan bulanan daripada JAPEM, anak-anak yatim, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Program ini merupakan program tahunan KKBS untuk memperkukuhkan ikatan di antara pihak kerajaan dan masyarakat yang memerlukan. Diharapkan dengan pemberian ini akan dapat meringankan beban orang-orang susah selain untuk memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh keriangan dan kesyukuran.



# KKBS berbagi rezeki bersama golongan memerlukan





**SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), semasa hadir mengetuai rombongan pada Program Kembara Amal Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima bagi Daerah Temburong. (atas dan atas kanan)**

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman**
**Foto : Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**TEMBURONG**, Sabtu, 29 Mac. - Bagi meringankan beban orang-orang susah selain untuk memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh keriangan dan kesyukuran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi secara serentak di keempat-empat daerah.

Di Daerah Temburong, sebanyak empat buah rumah telah dikunjungi bermula dari rumah di Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Rataie, Kampung Belais, Kampung Parit Belayang dan berakhir di rumah di Pekan Bangar.

Hadir bagi menyampaikan sumbangan ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin selaku ketua rombongan bagi Daerah Temburong.

Turut menyertai rombongan ialah Ketua Jabatan, Pengarah dan pegawai-pegawai kanan daripada KKBS dan JAPEM, Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang berkenaan.

Program ini merupakan program tahunan KKBS untuk memperkukuhkan ikatan di antara pihak kerajaan dan masyarakat yang memerlukan.

Pada tahun ini, sebanyak 17 buah keluarga daripada golongan susah termasuk penerima bantuan kebajikan bulanan daripada JAPEM, anak-anak yatim, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) dari keempat-empat daerah menerima sumbangan berupa barang keperluan asas.

# HULUR SUMBANGAN, KONGSI KEGEMBIRAAN BERSAMA MASYARAKAT





**PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka hadir selaku ketua rombongan dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada para penerima. Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada Program Kembara Amal Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi. (atas dan atas kanan)**

**BELAIT**, Sabtu, 29 Mac. - Program Kembara Amal Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi merupakan program tahunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Sehubungan dengan itu, Program Kembara Amal Ramadan bagi Daerah Belait telah mengunjungi empat buah rumah yang bermula dari rumah di Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Pandan 'B', seterusnya ke dua buah rumah di Kampung RPN Panaga dan berakhir di Kampung Keluyoh.

Hadir selaku ketua rombongan dan seterusnya menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan asas ialah Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, KKBS, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Turut menyertai rombongan ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat, dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann selaku Ketua Kampung Bukit Sawat; pegawai-pegawai kanan daripada KKBS dan JAPEM, Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang berkenaan.

Program Kembara Amal Ramadhan pada kali ini mensasarkan secara keseluruhannya sebanyak 17 buah keluarga daripada golongan susah termasuk penerima bantuan kebajikan bulanan daripada JAPEM, anak-anak yatim, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Program ini antara lain adalah untuk memperkukuhkan ikatan di antara pihak kerajaan dan masyarakat yang memerlukan. Diharapkan pemberian ini dapat meringankan beban orang-orang susah selain untuk memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang dengan penuh keriangan dan kesyukuran.



# MAHKAMAH SYARIAH ADAKAN MAJLIS PENUTUP TADARUS





YANG Amat Arif / Yang Berhormat KETUA Hakim Syar'ie hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup Tadarus Al-Quran Mahkamah-mahkamah Syariah 2025 dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan Hari Raya kepada salah seorang penerima. (atas dan kiri)

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran Mahkamah-mahkamah Syariah 2025 dan diselajurkan dengan Doa Kesyukuran sempena 24 tahun penubuhan Mahkamah Syariah, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar.

Turut hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-mahkamah Syariah itu ialah Panel-panel Hakim Mahkamah Syariah, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim-hakim Mahkamah Rendah Syariah, pendaftar-pendaftar, pegawai-pegawai serta seluruh warga Mahkamah Syariah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Seterusnya diikuti dengan bacaan penutup surah-surah lazim juz 30 beramai-ramai dan bacaan takhtim yang dipimpin oleh mahasiswa daripada Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Manakala bacaan doa selamat dibacakan oleh Pegawai Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SKIPPA), Awang Mohammad Hafizurahman bin Awang Haji Majid.

Majlis juga diselajurkan dengan doa kesyukuran sempena memperingati penubuhan Mahkamah Syariah yang telah mencapai usia 24 tahun sejak awal penubuhannya pada 1 Muharam 1422 Hijrah bersamaan dengan 26 Mac 2001 Masihi. Bacaan doa tersebut dipimpin oleh Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Awang Abdul Hadi bin Ali.

Acara diserikan lagi dengan penyampaian sumbangan Hari Raya kepada kakitangan Mahkamah Syariah yang terpilih seramai 55 orang, yang disempurnakan oleh Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie.

Majlis diakhiri dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah diimamkan oleh Awang Hadif Nazhan bin Idris, mahasiswa daripada ITQSHHB.

Majlis Penutup Tadarus Al-Quran ini merupakan aktiviti keagamaan tahunan yang dikelolakan oleh Mahkamah Syariah bagi menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan dengan amal ibadah yang berkebajikan untuk mendapatkan ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

# Rektor UNISSA hadiri Majlis Iftar Perdana Kemboja



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa hadir di Majlis Iftar Perdana Ramadan yang dihoskan oleh Perdana Menteri Kemboja, di OCIC Center, Phnom Penh, Kemboja.

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**KEMBOJA**, Sabtu, 29 Mac. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal berada di Kemboja baru-baru ini, bagi memenuhi jemputan untuk menghadiri Majlis Iftar Perdana Ramadan yang dihoskan oleh Perdana Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Moha Borvor Thipadei Hun Manet di OCIC Center, Phnom Penh, Kemboja.

Majlis yang dihadiri oleh lebih 6,300 orang itu adalah anjuran komuniti Muslim Kemboja yang diselaraskan oleh Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Kerajaan Diraja Kemboja.

Turut hadir ialah Menteri-menteri dan Ahli Parlimen serta Dewan Senat dan juga tetamu-tetamu kenamaan luar negeri.

Majlis Iftar Perdana bersama Perdana Menteri Kemboja sudah menjadi acara tahunan sejak Perdana Menteri yang sebelumnya.

Selain itu, Rektor UNISSA juga mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Dipertua Majlis Tertinggi Pimpinan Umat Islam Kemboja merangkap Mufti Kerajaan Kemboja, Sahibus Samahah Oknha Haji Kamaruddin Yusof di pejabatnya.

Rektor UNISSA antara lain mengalu-alukan kehadiran beliau bagi Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i yang akan diadakan pada 3 Jun 2025 di Negara Brunei Darussalam nanti.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN TERUS DISEMARAKKAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong





PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan Masjid 1446 Hijrah / 2025 Masihi dan seterusnya menyampaikan saguhati kepada salah seorang peserta yang diraikan.

**TUTONG**, Sabtu, 29 Mac. - Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Layong mengadakan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di masjid berkenaan, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas beramai-ramai dan disusuli dengan bacaan Takhtim dan Tahlil.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Doa Khatam dan Doa Tahlil Arwah serta Dikir Marhaban beramai-ramai. Selepas itu bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis itu juga diadakan penyampaian saguhati kepada para peserta khatam yang diraikan dan diserikan dengan Ceramah Menjelang Sungkai yang disampaikan oleh Awang Hamzah bin Haji Jali iaitu penceramah tauliah Majlis Ugama Islam Brunei dengan tajuk ceramah 'Amalan sunat di bulan Ramadan'.




# *Personal shopper* mudahkan berbelanja, jimat masa

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri, Perkhidmatan Pembeli Peribadi atau *personal shopper* merupakan antara perkhidmatan yang turut menjadi tumpuan dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Permintaan perkhidmatan *personal shopper* semakin meningkat dan berfungsi sebagai jalan penyelesaian untuk memudahkan lagi kita berbelanja di dalam negara mahupun di luar negara sekali gus menjimatkan masa untuk membeli-belah.

Menurut beberapa pembeli peribadi, permintaan perkhidmatan *personal shopper* lebih meningkat pada musim menjelangnya Hari Raya Aidilfitri ini. Selain menjimatkan masa, banyak orang menginginkan pengalaman berbelanja yang lebih peribadi tanpa harus terperangkap dalam kesesakan orang ramai di pusat-pusat membeli-belah.

*Personal shopper* bukan hanya membantu kita mendapatkan pakaian, namun ia juga turut membantu dalam mendapatkan kelengkapan Hari Raya, peralatan rumah, makanan dan sebagainya lebih-lebih lagi bagi mereka yang yang sibuk atau tidak memiliki waktu untuk berbelanja.

Sebahagian besar *personal shopper* menawarkan pengalaman berbelanja secara *online* sesuai dengan perkembangan teknologi digital pada masa kini namun ia juga dijalankan secara *offline*, mengikut keinginan pelanggan.

Dengan menggunakan khidmat *personal shopper*, pengalaman berbelanja menjadi lebih efisien dan teratur sekali gus kelengkapan tersedia dengan

**PERKHIDMATAN *Personal Shopper* berfungsi sebagai jalan penyelesaian untuk memudahkan kita berbelanja di dalam negara mahupun di luar negara sekali gus menjimatkan masa untuk membeli-belah.**




# 33 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Projek Amal Jiwaku Ikhlas





**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma bagi Edisi Ke-33 (atas kanan), sementara gambar atas, Pengasas Projek Jiwaku Ikhlas Kris Karmila Kreations semasa menyerahkan sumbangan kepada penerima.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Mac. - Projek Amal Jiwaku Ikhlas menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma bagi Edisi Ke-33 berlangsung di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sumbangan ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim.

Seramai 33 buah keluarga yang terdiri daripada golongan yang kurang berkemampuan, anak-anak yatim, warga emas serta ibu tunggal yang tinggal di kawasan Kampong Ayer telah menerima sumbangan berupa hamper raya, barang keperluan dan pakaian.

Seterusnya rombongan Majlis Ziarah dan Penyampaian Derma yang diketuai oleh Pengasas Projek Jiwaku Ikhlas Kris Karmila Kreations, Dayang Hajah Karmila binti Haji Sapar pergi ke rumah-rumah individu Orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas serta orang kurang berkemampuan di Kampung Setia 'A', Kampung Setia 'B' dan Kampung Bolkiah 'B'.

Turut serta, Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid; Pemangku Ketua Kampong Zon 4 Kampung Ayer, Awang Shamsuddin bin Haji Maidin; Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampung Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim; Managing Director of Firoz Jaya Silk House, Awang Firoz Khan Namroz Khan; Awang Md. Eisa bin Awang Muhammad, Blaze, wakil-wakil dari Cybersafe, Presserv Sepakat, MGS dan Krispy Krunchiez.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1. **'Cabaran Peluang Pekerjaan Untuk Generasi Muda.'** Tarikh Tutup : **2 April 2025**
2. **'Pembayaran Dalam Talian : Selamat Atau Bahaya?'** Tarikh Tutup : **9 April 2025**
3. **'Galakkan Belia Ceburi Bidang Pertanian.'** Tarikh Tutup : **16 April 2025**

TERMA DAN SYARAT :
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
*pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Pupuk keprihatinan, pemedulian orang kurang kemampuan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Zon 3 Kampong Ayer

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Ramadan bakal melabuh tirai dalam beberapa hari sahaja lagi dan kita selaku umat Islam wajar merebut segala peluang yang terdapat di dalamnya berikutan ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung Zon 3 Kampong Ayer mengagihkan sumbangan berupa barangan asasi kepada 30 penerima terdiri daripada anak yatim, warga emas dan keluarga yang memerlukan serta tinggal di bawah tadahan Zon 3 Kampong Ayer berkenaan.

Hadir menyampaikan agihan berkenaan ialah Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid.

Awang Raimi melahirkan penghargaan terima kasih kepada para penderma yang menghulurkan sumbangan dengan harapan untuk memberikan kegembiraan dan keceriaan kepada mereka yang kurang mampu lebih-lebih lagi hendak meraikan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Amalan berbagi sewajarnya dipraktikkan kepada masyarakat kita untuk memupuk keprihatinan dan pemedulian kepada mereka yang kurang mampu dalam sama-sama membantu dan tolong-menolong.





**PENGHULU Mukim Zon 2 Kampong Ayer semasa menyampaikan agihan kepada para penerima di bawah tadahan Zon 3 Kampong Ayer (atas kanan dan bawah kanan).**

# Semarakkan malam Ramadan dengan bertadarus Al-Quran





**PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada majlis berkenaan yang berlangsung di Songket Hall, The Rizqun International Hotel (atas). Manakala, gambar kiri, suasana pada majlis tersebut.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**GADONG**, Jumaat, 28 Mac. - Majlis Khatam Gabungan Persatuan Nurul Islam Daerah Brunei dan Muara dan Al-Quran One Day One Page Ministry of Education (O.D.O.P MOE) adalah aktiviti tahunan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak dan disokong oleh keluarga Haji Awang Baki bin Haji Muhd. Salleh dan Hajah Dayang Siliah binti Yusof telah berlangsung petang tadi di Songket Hall, The Rizqun International Hotel.

Hadir pada majlis berkenaan, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, selaku tetamu kehormat majlis.

Bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah beramai-ramai membuka tirai majlis yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis Khatam Al-Quran bermula dengan bacaan Surah Ad-Dhuha dan surah-surah seterusnya hingga Surah An-Nas, diikuti bacaan takhtim dikepalai oleh Awang Saifullah bin Haji Mohammad Sofian.

Sementara itu, Doa Khatam dan Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Haji Muhammad Nabil Hakim bin Haji Muhammad Nabil Hafizzuddin.

Majlis dihasrat bagi menggalakkan saudara-saudari mualaf agar bergiat dalam menyemarakkan malam Ramadan bertadarus Al-Quran selain ke arah usaha menanamkan semangat tekun dan sabar kepada saudara -saudari mualaf dalam mempelajari pembacaan Al-Quran sehingga sampai kepada celik Al-Quran walaupun tidak mahir, sekurang-kurangnya lancar, tartil dan boleh membaca Al-Quran.

Yang terpenting adalah memberi galakkan dan sokongan padu daripada mana-mana pihak kepada saudara-saudari mualaf untuk menyedari akan keutamaan dan mustahaknya mempelajari membaca Al-Quran, supaya mereka terdorong untuk rajin belajar membaca Al-Quran sehingga mereka boleh membaca Al-Quran.

Ini adalah salah satu cara bimbingan untuk mempelajari membaca Al-Quran, kerana buta huruf terhadap Al-Quran adalah satu kerugian besar bagi kita sebagai umat Islam.

Semoga mereka menjadi orang yang dekat dengan Al-Quran semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala dan mengharap keredaan-Nya.

# RAIH LAILATULQADAR 10 MALAM TERAKHIR DENGAN MELAKUKAN AMALAN



**ANTARA yang hadir pada Majlis Ilmu dan Tazkirah Ramadan Mubarak yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri, di sini.**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 30 Mac. - Persatuan Siswazah Wanita (PSW) Negara Brunei Darussalam sekali lagi dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Ash-Shaliheen menganjurkan Majlis Ilmu dan Tazkirah Ramadan Mubarak bagi setiap Ahad di bulan Ramadan 1446 Hijrah bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Majlis berkenaan menghimpunkan ahli-ahli PSW, peserta-peserta Kumpulan Mari Membaca Al-Quran (MMQ), ahli-ahli persatuan di bawah payung Majlis Wanita, serta ahli keluarga dan masyarakat awam dalam satu sesi tazkirah mingguan di bulan Ramadan.

Hadir sama pada perkumpulan yang penuh keberkatan berkenaan, Penasihat I, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin; dan Penasihat II PSW, Dr. Hajah Hairuni binti Haji Mohamed Ali Maricar.

Sehubungan dengan itu, Tazkirah Ramadan minggu keempat bertajuk 'Sebelum Ramadan Berlalu' disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Pengiran Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan.

Pengiran Norizzati dalam tazkirahnya menyatakan bahawa bulan Ramadan merupakan bulan yang membawa berkat yang tidak terhingga kerana bulan ini merupakan peluang keemasan untuk Tajdid niat, menambah amalan dan membersihkan hati untuk rebut pahala.

Menurutnya, bulan ini juga melatih kita menjadi hamba yang lebih bertakwa dan lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala sepertimana dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala : "*Wahai orang-orang yang beriman! diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa.*"

"Banyak wanita yang datang haid berasa sedih apabila tibanya 10 hari terakhir Ramadan kerana mereka berfikir tidak dapat menghidupkan malam tersebut atau mereka fikir tidak akan dapat meraih Lailatul Qadar.

"Sebenarnya, boleh juga kita menghidupkan dan meraih Lailatul Qadar pada 10 malam terakhir ani dengan melakukan beberapa amalan," ujarnya lagi.

Selain ceramah ilmiah, acara berkenaan juga menyediakan ruang untuk sesi soal jawab secara interaktif.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan membaca Surah Yaa Siin, Ratib Al-Attas dan Tahlil secara berjemaah yang dipimpin oleh Pengiran Norizzati, dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di masjid berkenaan.

Majlis berkenaan bertujuan mengeratkan ukhuwah serta meningkatkan kekhusyukan dalam ibadah bersama-sama selain memberi peringatan kepada para hadirin tentang pentingnya memperbanyakkan amalan soleh di penghujung Ramadan, serta menanamkan keazaman untuk meneruskan istiqamah dalam beribadah setelah bulan mulia ini berakhir.

Semoga tazkirah berkenaan menjadi satu titik tolak dalam memperkukuh keimanan dan menggalakkan setiap individu untuk terus berusaha mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, bukan hanya di bulan Ramadan tetapi sepanjang kehidupan mereka.

PSW yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990 adalah sebuah organisasi bukan kerajaan yang telah 35 tahun aktif dalam perkhidmatan masyarakat. Dengan keanggotaan yang terdiri daripada ramai profesional, PSW sentiasa menganjurkan program yang memberi impak dalam bidang pendidikan, kebajikan, dan pembangunan profesional.



**TAZKIRAH Ramadan bertajuk 'Sebelum Ramadan Berlalu' disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.**




# مراعيکن دان ميمبوت عيدالفطري

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠاٴيڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سكارڠ كيت تله ڤون برادا دڤڠهوجوڠ بولن رمضان، دان اينله ماسڽ باݢي كيت اونتوق تروس منيڠكتكن لاݢي عباده دان عمل كباجيقن اونتوق ممڤرأوليهي كنجرن يڠ برليڤت ݢندا يڠ دجنجيكن اوليه الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. كيت تيدق ڤستي ادكه كيت اكن برڤلواڠ لاݢي اونتوق برتمو دڠن رمضان يڠ اكن داتڠ. بربهاݢياله مريك يڠ منداڤتي رمضان لالو دوسا-دوساڽ دأمڤوني اوليه الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. ماك ماريله كيت منفعتكن باقي-باقي يڠ اد دبولن رمضان اين دڠن دايسي دڠن ڤلباݢاي عباده دان عمل كباجيقن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

دڠن برأخيرڽ بولن رمضان يڠ مبارك اين، ماك أومت إسلام اكن ميمبوت كداتڠن بولن شوال دڠن مراعيکن عيدالفطري، يأيت هاري كمنڠن باݢي أومت إسلام ستله برجاي منونيكن عباده ڤواس سلاما سبولن دان مڠهاروڠي ڤرجواڠن ملاوان هاوا نفسو. دالم مراعيکن دان ميمبوت عيدالفطري، كيت ڤرلوله مڠعملكن سيكڤ كسدرهنأن اونتوق مڠإيلقكن ڤمبذيرن. اوليه ايت، سمبوتله عيدالفطري دڠن سدرهنا دان برهيمت، جاڠنله بربلنجا لبيه دري كممڤوان، يڠ أخيرڽ اكن ميوسهكن دان ممبينكن ديري سنديري. فرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم سورة الإسراء أية ٢٦-٢٧:

**تفسيرڽ:**

**دان بريكنله قوم قرابة حقڽ (كبايكن دان هوبوڠن صلة الرحيم) دان بݢيتو جوݢ اورڠ ميسكين سرتا اورڠ مسافر (يڠ ترڤوتوس ڤربلنجأنڽ يأيت زكاة دان صدقه) دان جاڠنله أڠكاو ممباذير (ممبلنجاكن هرتامو ڤد جالن يڠ مباڽهي شرع). سسوڠݢوهڽ اورڠ-اورڠ يڠ ممباذير (ممبلنجاكن هرتا ڤد جالن يڠ مباڽهي شرع) ايت اياله سودارا-سودارا شيطان، دان شيطان ايت اداله ساڠت كوفور كڤد توهنڽ.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سماس ممبوات ڤرسياڤن برهاري راي، جاڠنله كيت لالاي دان ليكا كران ڤد وقتو اينله كيت سواجرڽ مربوت ڤلواڠ اونتوق ممڤرتيڠكتكن لاݢي عمل عباده. ساتو ڤركارا يڠ ڤرلو كيت إيڠت سباݢاي أومت إسلام اداله ممباير زكاة فطره اونتوق ديري سنديري دان تڠݢوڠن دان جاڠن سمڤي لوڤوت وقتو ممبايرڽ.

سسوڠݢوهڽ مڠلواركن زكاة اداله ساله ساتو دري روكون إسلام يڠ واجب كيت تونيكن. زكاة حكومڽ واجب كأتس ستياڤ اورڠ إسلام يڠ منجوكوڤي شرط-شرطڽ، سام اد زكاة فطره ماهوڤون زكاة هرتا. درڤد إبن عباس رَضِيَالِلّٰهُعَنْهُمَا كاتڽ: **فَرَضَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَكَاةَ الْفِطْرِ طُهْرَةً لِلصَّائِمِ مِنَ اللَّغْوِ والرَّفَثِ، وَطُعْمَةً لِلْمَسَاكِيْنِ.**

**مقصودڽ:**

**رسول الله صَلَّىٱللَّٰهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ تله ممفرضوكن زكاة فطره سباݢاي ڤوجين باݢي اورڠ يڠ برڤواس دري سبارڠ ڤركارا يڠ سيا-سيا دان كجي سرتا ممبري ماكن كڤد اورڠ-اورڠ ميسكين. {حديث رواية أبو داود}**

سسوڠݢوهڽ زكاة فطره ايت مڠاندوڠي باڽق رهسيا دان حكمه. انتاراڽ اياله اونتوق منمڤل ككوراڠن يڠ تيدق دكتهوي اتاو تيدق سڠاج دلاكوكن سماس ملاكوكن عباده ڤواس. اين كران كادڠ كلا اورڠ يڠ برڤواس اين ترلنجور مڠلواركن كات-كات يڠ كجي اتاو ملاكوكن ڤربواتن-ڤربواتن يڠ دلارڠ دالم إسلام دڠن تيدق سڠاج سڤرتي مڠومڤت، مماكي اورڠ دان سأومڤامانڽ. سموا اين مڠوتوركن جيوا اورڠ يڠ برڤواس.

اوليه سبب ايت، أكام كيت ممرينتهكن ستياڤ أومت إسلام سوڤاي مڠلواركن زكاة اونتوق ميوچيكن جيوا اورڠ يڠ برڤواس دان منمڤل ككورڠن-ككورڠن يڠ دلاكوكن سماس برڤواس. سلاين ايت، توجوان زكاة فطره جوݢ بوليه دليهت دري سودوت كمشاركاتن، دمان دڠن مڠلواركن زكاة اكن منيمبولكن كاسيه سايڠ، ككمبيرأن دان كهرمونين ددالم سواتو كلومڤوق مشاركت، ترأوتام سكالي باݢي فقير ميسكين دان اورڠ-اورڠ يڠ برحاجة ڤدڽ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

توجوان أوتام سمبوتن عيدالفطري اياله اونتوق مراعيکن كجاياٴن همبا-همبا الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ يڠ تله برجاي ملقساناكن عباده ڤواس دڠن ڤنوه كإيمانن دان كتقوأن. اوليه ايت، سمبوتن يڠ دلاكوكن جوݢ بيارله مڠيكوت اجرن دان لندسن أكام، انتاراڽ:

**ڤرتام:** ڤد مالم هاري راي ڤرتام كيت دسنتكن مڠهيدوڤكن مالم ترسبوت دڠن لاوڠن تكبير، باچأن القرآن، برذكر، بردعاء دان سباݢاين. بوكنڽ مراعيکن مالم ترسبوت دڠن ڤركارا-ڤركارا يڠ ممبهاياكن دان مموضارتكن اڤاته لاݢي دڠن ممبوات ڤركارا-ڤركارا يڠ مڠݢڠݢو كتنترامن اورڠ لاين دان إيلقكنله ممبوات ڤرسياڤن دساعت-ساعت أخير سمڤي لاروت مالم سهيڠݢ ميبيبكن اد يڠ تيدق سمڤت منديريكن سمبهيڠ فرض صبح دان ترلڤس سمبهيڠ سنة عيدالفطري كران تيدق ترجاݢ دان كلتيهن.

**كدوا:** ڤد ڤاݢي هاري راي ڤولا، كيت دسونتكن مندي دڠن نية كران كداتاڠن عيدالفطري. كيت جوݢ دسونتكن اونتوق مماكاي باو-باوان يڠ هاروم، ممبرسيهكن ديري دڠن مموتوڠ كوكو دان مماكاي ڤاكاين يڠ ڤاليڠ إيلوق، كران هاري ترسبوت مروڤاكن هاري اونتوق برهياس-هياس دان برإيلوق-إيلوق. سبلوم كمسجد اونتوق برسمبهيڠ هاري راي ڤولا، كيت دسونتكن مماكن بواه كورما دڠن بيلڠن يڠ ݢنجيل، اينله يڠ دعمالكن اوليه رسول الله صَلَّىٱللَّٰهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ سبلوم كمسجد اونتوق منديريكن سمبهيڠ عيدالفطري. درڤد أنس بن مالك رَضِيَالِلّٰهُعَنْهُ اي بركات: **كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ يَغْدُو يَوْمَ الْفِطْرِ حَتَّى يَأْكُلَ تَمَرَاتٍ وَيَأْكُلُهُنَّ وِتْرًا.**

**مقصودڽ:**

**بهاوا رسول الله صَلَّىٱللَّٰهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ تيدق كلوار ڤد وقتو ڤاݢي هاري راي فطره سهيڠݢ بݢيندا ماكن (ترلبيه دهولو) برابق بيجي تمر دان بݢيندا مماكنڽ دالم بيلڠن ݢنجيل. {حديث رواية إمام بخاري}**

**كتيݢ:** منديريكن سمبهيڠ سنة هاري راي، اي اداله ڤركارا يڠ ڤاليڠ ڤنتيڠ دان أوتام دالم كيت ميمبوت هاري راي دري ڤركارا-ڤركارا سنة يڠ لاين. درڤد البَرَاءَ بن عَازِب رَضِيَالِلّٰهُعَنْهُ اي بركات: **سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ فَقَالَ: إِنَّ أَوَّلَ مَا نَبْدَأُ بِهِ مِنْ يَوْمِنَا هَذَا أَنْ نُصَلِّيَ.**

**مقصودڽ:**

**اكو مندڠر نبي صَلَّىٱللَّٰهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ برخطبة، سسوڠݢوهڽ يڠ أول-أول سكالي كيت مولاكن ڤد هاري اين (هاري راي) اياله سمبهيڠ. {حديث رواية إمام بخاري}**

**كأمڤت:** عيدالفطري اداله هاري ڤرسودارأن دان هاري ككمبيرأن. دهاري اين دسونتكن سسام إسلام ساليڠ مڠوچڤ تهنيئه دڠن مندعاءكن دانتارا ساتو سام لاين سڤرتي مڠوچڤكن: **تَقَبَّلَ اللهُ مِنَّا وَمِنكُمْ.**

**مقصودڽ: سموݢ الله منريما درڤد كيت دان منريماڽ درڤد كامو.**

أخيرڽ، ماريله كيت سام-سام مراعيکن دان ميمبوت هاري كمنڠن يأيت عيدالفطري يڠ باكل منجلڠ تيدق لاما لاݢي دڠن تيدق منجماري سمبوتن ترسبوت دڠن ڤركارا-ڤركارا دوسا دان معصية ستله سبولن كيت برڤواس. سموݢ سݢل عباده، عمل كباجيقن دان دعاء كيت دتريما دان دمقبولكن اوليه الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ سرت سلوروه دوسا كيت دأمڤونكن دان كيت دڤرتموكن لاݢي دڠن رمضان ڤد تاهون بريكوتڽ. آمين يا رَبَّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**دان برسكراله كامو (مڠرجاكن عمل كباجيقن اونتوق ممباوا كامو) كڤد كأمڤونن درڤد توهن كامو دان كشرݢ يڠ لواسڽ سلواس لاڠيت دان بومي يڠ دسدياكن اونتوق اورڠ-اورڠ يڠ برتقوى. { سورة أل عمران أية: ١٣٣ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# دعاء مموهن کڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤڽاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 کالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 کالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 کالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر
## كڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Makluman Iklan Lanjutan**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**
V & VI sahaja

**Kategori:**
KPB17 / E01 / E02

**Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga:**
Selasa,
22 April 2025,
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / BBA 05 / 2024

**Nama Projek:**
Pemasangan Bridge Health Monitoring System (BHMS) Jambatan SHOAS

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Makluman Iklan Lanjutan**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

**Kelas:**
V & VI sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga**:
Selasa,
8 April 2025,
Tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / BBA 02 / 2025

**Nama Projek:**
Menaiktaraf Jambatan (Besi Ke Konkrit) – Pakej 3: Pembinaan

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Makluman Iklan Lanjutan**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

**Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan Sehingga:**
Selasa,
8 April 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRC 04 / 2025

**Nama Projek:**
Pembinaan Jejambat di Persimpangan Lebuhraya Muara-Tutong / Penempatan Tapak Industri Tanjong Kajar (Retender) – Services Protection Works

---

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Penender-penender adalah di pelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut:

**RBPF / TPROC / RC / 001 / 2023 - T**
The Supply And Fitting Of Tyres, Tubeless Valve, Wheel Balancing, Wheel Alignment And Camber Services For Different Types Of Police Vehicles –

Five (5) Years Contract

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
22 April 2025.




---

**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA**

**Notis Tawaran**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Akhir Bagi Pembelian Dokumen Tawaran:**
Sabtu,
5 April 2025.

**Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:**
Selasa,
6 Mei 2025.
Sebelum jam 2.00 Petang

**(Pejabat Lembaga Tawaran Kecil di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam)**

**Bilangan Tawaran:**
05 / 2024 / 2025

**Tajuk:**
1.) Consultancy Service for Preparation of Land Availability Studies
2.) Consultancy Service for Preparation of National Land Use Master Plan

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / LB / TA / 001
Pembekalan Serta Pemasangan LED Screen Berserta Kelengkapan-Kelengkapan Bagi Dewan Pahlawan, Berakas Garison

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **satu (1) minggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 15 April 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
22 April 2025.
2.00 Petang.

**Pemberitahuan Tawaran Kementerian Pertahanan**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / LB / TA / 003
Pembelian Personal Protective Equipment (PPE) Bagi Unit Khidmat Bomba Dan Keselamatan, Khidmat Bantuan Kombat, Tentera Darat Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **satu (1) minggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 15 April 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
22 April 2025.
2.00 Petang.

---

**JABATAN PERHUTANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Tawaran:**
JPH / MYCE2025 / SH2541 / 2024 - 2025
Penyediaan Tapak Bagi Scientific Expedition On Forest To Reef Mid Year Conference And Exhibition (MYCE) 2025 Di Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 17 April 2025.

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**
BND10.00

**Borang Tawaran:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2024-2025 / 55

**Tajuk Tawaran:**
Perkhidmatan Pengawal Keselamatan (Security Guard Services) Di Galeri Kebudayaan Dan Pelancongan Kampong Ayer Bagi Tempoh Dua Tahun

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2024-2025 / 56

**Tajuk Tawaran:**
Daily Cleaning Services For Kampong Ayer Cultural And Tourism Gallery

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
10 April 2025.
Jam 2.00 Petang.

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 258 / 2024**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Siti Aminah Binti Roslan**
BYIC No. 00-317325
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 Februari 2025**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Siti Aminah Binti Roslan
No. 36, Simpang 74-59-108-37-102,
Kampung Katok B,
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
23 Oktober 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**
15 Mac 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Februari 2025.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 8 Mei 2025 jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mei 2025 jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
15 Mac 2025

**Kes No.**
**BCY / CP / 276 / 2013**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua Dan Terakhir**

**Nama Penghutang -** Mahadi Bin Mohammad Mahdini (BYIC NO. 00-297189) **Alamat –** No. 483, Kg Pengkalan Dong Ukong, Tutong, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 276 Tahun 2013 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 100 % Pertama atau terakhir selainnya** – Terakhir **Bila kena dibayar –** 14 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
15 Mac 2025

**Kes No**
**BCY / CP / 66 / 2010**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga Dan Terakhir**

**Nama Penghutang -** Faezah Binti Haji Shamsuddin (BYIC NO. 00-252024) **Alamat –** No. 26, Jalan Madewa, Spg. 79, Kampong Madewa, BF1120, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 66 Tahun 2010 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 100 % Pertama atau terakhir selainnya** – Terakhir **Bila kena dibayar –** 13 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
15 Mac 2025

**Kes No.**
**BCY / CP / 4 / 2009**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Hanisham Bin Haji Matassim (BYIC NO. 00-260968) **Alamat –** No. 120, Rumah Teres, Jalan Binglu Selatan, RPN Kampong Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 4 Tahun 2009 **Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 13 % Pertama atau terakhir selainnya** – Kedua **Bila kena dibayar –** 4 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
15 Mac 2025

**Kes No.**
**BCY / CP / 301 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang –** Pg. Othman Bin Pg Hj Ismail (BYIC NO. 00-044749) **Alamat –** No. 5, Simpang 3, Jalan 49, Rancangan Perumahan Negara Lambak Kanan, Berakas BC2315, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 301 Tahun 2016 **Banyaknya bagi tiap tiap satu ringgit – 100 % Pertama atau terakhir selainnya** – Terakhir **Bila kena dibayar –** 5 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
15 Mac 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 302 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Mohammad Masli Bin Md Dali (BYIC NO. 00-265791) **Alamat –** No. 12, Flat E6, Simpang 50, Airport Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3513, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 302 Tahun 2016 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 100 % Pertama atau terakhir selainnya** – Terakhir **Bila kena dibayar –** 5 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
15 Mac 2025

**Nur Sariy Syahmina Binti Jaffri**
**Timbalan Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Brunei Darussalam**

**Kes No.**
**BCY / CP / 251 / 2024**

**BIBD At-Tamwil Berhad**
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Husaini Bin Tussin**
BYIC NO. 00-300481
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Mac 2025.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Husaini Bin Tussin
No. 1, Kampung Kasat,
Mukim Lumapas, BJ1724.
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
26 November 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
15 Mac 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Mac 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-), Mahkamah Besar pada 23 April 2025 jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **23 April 2025 jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
15 Mac 2025

**Kes No.**
**BCY / CP / 290 / 2014**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang –** Mohammad Mazlan Bin Haji Morney – **Penghutang Penghakiman Pertama** (BYIC NO. 00-315756) **Alamat –** No. 93A, Rumah Guru Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Safuddien (SUAS) Muara, Jalan Pekan Muara, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 290 Tahun 2014 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 43 % Pertama atau terakhir selainnya** – Pertama **Bila kena dibayar –** 5 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
15 Mac 2025

**Muhammad Syafiq Bin Awang Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**b/p Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

**Kes No.**
**BCY / CP / 132 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Mohammad Saiful Bahrin Bin Haji Junaidi (BYIC NO. 00-263394) **Alamat –** No.15, Jalan Wasai Limuru Utara, RPN Kg Meragang, BT2728, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah –** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor –** Kebankrapan Bil. 132 Tahun 2012 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 100 % Pertama atau terakhir selainnya** – Terakhir **Bila Kena Dibayar –** 11 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar –** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
15 Mac 2025

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria**
**Timbalan Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Brunei Darussalam**



**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
BCY / CP / 187 / 2003

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Mohd Hirwan Bin Ibrahim (BYIC NO. 00-257616) **Alamat** – No 9, Simpang 59, Kg Bunut, Jalan Tutong BF1320, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 187 Tahun 2003 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 32 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Pertama **Bila kena dibayar** – 20 November 2024 **Di Mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
13 Mac 2025

**Kes No.**
BCY / CP / 248 / 2011

**Baiduri Finance Berhad (previously filed by HSBC Finance (B) Berhad) Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Ismail Bin Lamit (Deceased)**
BGIC No. 50-150468
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **2 Mei 2013** telah dibatalkan pada **22 Februari 2025.**

**Nama Penghutang:**
Ismail bin Lamit (Deceased)

**Alamat Penghutang:**
No. 15, Block A, Flat Bandaran, Kampung Belimbing, Bandar Seri Begawan, BD2917, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
15 Mac 2025

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria**
**Timbalan Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Brunei Darussalam**

**Kes No.**
BCY / CP / 588 / 2011

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Maskadiman Bin Md Zaini (BYIC No. 00-279178) **Alamat** – No. 10, Simpang 727-7-2-7, Kampong Jangsak. Jalan Gadong BF2720, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 588 Tahun 2011 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 48 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Kedua **Bila kena dibayar** – 21 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
13 Mac 2025

**Kes No.**
BCY / CP / 81 / 2017

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua Dan Terakhir**

**Nama Penghutang** - Hjh Surayana Binti Hj Md Dinie (BYIC NO. 00-276146) **Alamat** – No. 821, Kg Luagan Dudok, Tutong TB1541, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 81 Tahun 2017 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Terakhir **Bila kena dibayar** – 5 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
13 Mac 2025

**Kes No.**
BCY / CP / 14 / 2013

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Ketiga Dan Terakhir**

**Nama Penghutang** - Mazlan Bin Manaf (BYIC NO. 00-122300) **Alamat** – Barek 421, B8, Spg 198, Lorong 3 Selatan, Seria KB1533, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 14 Tahun 2013 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 100 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Terakhir **Bila kena dibayar** – 19 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
11 Mac 2025

**Kes No.**
BCY / CP / 128 / 2024

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Mohamad Faisal Bin Suan**
BYIC No. 00-302878
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **26 Oktober 2024.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Mohamad Faisal Bin Suan
No. 19, Simpang 21,
Jalan Kemangsi Barat,
RPN Meragang,
Muara
BT2728,
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
27 Julai 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**
15 Mac 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **26 Oktober 2024.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 21 April 2025 jam 9.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 April 2025 jam 9.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
15 Mac 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli**
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

**Kes No.**
**BCY / CP / 222 / 2024**

**Baiduri Finance Berhad**
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Saidi Bin Haji Kula**
BYIC No. 00-255559
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **20 Februari 2025.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Saidi Bin Haji Kula
No. 21, Simpang 248-23-11,
Kampung Serasa, Jalan Muara
BT1728,
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**
10 Oktober 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

**Bertarikh:**
15 Mac 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **20 Februari 2025.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 8 Mei 2025, jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **8 Mei 2025 jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**
15 Mac 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

---

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**
II / III / IV / V

**Kategori:**
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran Pada:**
24 Mac 2025. (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
15 April 2025. (Selasa)

**Tarikh Tutup Pada:**
22 April 2025. (Selasa)

**Sebelum Jam:**
2.00 Petang.

(Ditutup di **Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Menteri Besar, Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam**)

**JASTRE / BTR / T005 / 2025**
Penyelenggaraan Landskap dan Kemudahan Taman Di Taman Rekreasi Mini Perayaan Kampung Parit Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**
JASTRE / BTR / T005 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
10 / BBS / SH / 2024–2025 J.1

**Keterangan Projek :**
Kerja-Kerja Memotong Pokok-Pokok Di Kawasan Rumah Persinggahan Kerajaan Jalan Maulana, Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
8 April 2025.
Jam 2.00 Petang.

# IMBASAN MINGGUAN



ANTARA yang hadir pada Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP di sini. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

SALAH seorang budak kecil kelihatan begitu gembira apabila menerima sumbangan derma sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri. - Foto : Mohammad Hasif Matzin

MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dalam sama-sama menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan dan mendekatkan diri dengan Al-Quran. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

SEBAHAGIAN yang hadir pada Program Faith and Soul Camp 'Empowering Hearts, Elevating Souls' selama tiga hari, bermula dari 21 hingga 23 Mac 2025 lalu. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

SEBAHAGIAN daripada anak-anak yatim yang menerima sumbangan derma bagi membantu mereka meringankan beban dan berkongsi kegembiraan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba. - Foto : Alishahrin Haji Mumin

PELITA BRUNEI

# 10 KELUARGA TERIMA SUMBANGAN KEPERLUAN ASASI



SESI bergambar ramai pada Projek Santunan Rahmah Syawal bagi Tahun 2025.

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Mentiri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Mac. - Menyantuni penduduk kampung bukan sekadar memberikan bantuan, tetapi juga merapatkan hubungan yang erat dan saling menyokong antara satu sama lain agar golongan mereka ini tidak merasa disisihkan.

Oleh itu, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mentiri yang diketuai oleh Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor, Haji Awang Mohammad Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim selaku Pengerusi MPK telah berkesempatan menyantuni beberapa penduduk kampung yang terpilih bagi menerima sumbangan dalam Projek Santunan Rahmah Syawal bagi Tahun 2025.

Seramai 10 keluarga terdiri daripada ibu tunggal dan golongan memerlukan yang bermastautin di Kawasan 2 RPN Kampung Panchor Mentiri telah menerima sumbangan berupa barang keperluan asasi.

Sumbangan tersebut adalah dari MPK Kawasan 2 RPN Kampung Panchor Mentiri, Al-Risqi Enterprise, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir, sahabat persatuan Siswazah Negara Brunei Darussalam yang berupa sampul kepada 27 penerima.

Kesemua sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor.

Semoga dengan adanya projek amal ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban golongan ibu tunggal dan golongan yang memerlukan dalam menyambut kedatangan Syawal yang dalam beberapa hari sahaja lagi akan menjelang tiba.

# Membeli-belah di saat akhir meriahkan ketibaan Syawal

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi umat Islam akan melangkah ke bulan Syawal dan meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri selepas sebulan berpuasa.

Tinjauan Pelita Brunei ke beberapa pusat membeli-belah dan kedai di negara ini mendapati orang ramai mengambil peluang di saat akhir ini dengan membawa ahli keluarga membeli-belah kelengkapan Aidilfitri termasuk pakaian baharu, kasut dan kuih-muih sebagai persiapan menjelang Aidilfitri.

Salah seorang pengunjung, Sharifah Nurul Ameerah binti Sheikh Hanif berkata, mereka sekeluarga sedang mencari baju raya termasuk sinjang untuk adiknya.

"Kebanyakan persiapan telah kami buat lebih awal seperti membersihkan dalam dan luar rumah, juga membeli perabot dan langsir baharu. Selain membeli kuih-muih dan kek raya, kami sekeluarga juga membuat sendiri juadah seperti Cornflakes Madu untuk dihidangkan kepada para tetamu semasa Aidilfitri nanti," katanya kepada Pelita Brunei.

Sementara itu, Dayang Nazira binti Mohammad berkata, beliau memilih untuk membuat persediaan Hari Raya dengan penuh bersederhana pada tahun ini.

Kelengkapan Hari Raya yang kami sekeluarga gunakan pada tahun lepas masih elok dan nampak baharu, jadi kami tidak begitu banyak mengeluarkan belanja pada tahun ini.

Saya cuma fokus kepada membeli biskut dan kek raya daripada para peniaga tempatan, tetapi saya tidak membeli baju dan kasut raya baharu untuk tahun ini.

Beliau berkata, persiapan lebaran perlu dibuat mengikut kemampuan dan tidak perlu membebankan diri dengan perbelanjaan di luar kawalan.

Apa yang penting adalah ketika Aidilfitri ini kita mengambil peluang untuk berkumpul bersama ahli-ahli keluarga sama ada dekat mahupun jauh bagi mengeratkan lagi silaturahim," katanya.




PUSAT membeli-belah dikunjungi orang ramai yang berhasrat mencari kelengkapan Aidilfitri menjelang Syawal.

# Penutupan sementara beberapa stesen minyak

**Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukatan jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9.00 pagi hingga selesai, yang mana anggaran pelaksanaannya adalah sekitar dua jam.

Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Keterangan jadual penutupan sementara stesen-stesen minyak bagi kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan pada bulan April 2025 ialah pada 14 April 2025 (Isnin) 9.00 pagi hingga 11.00 pagi di Stesen Minyak TAIB Beribi; 15 April 2025 (Selasa) 9.00 pagi hingga 11.00 pagi di Stesen Minyak Syarikat Kerjasama Kampung Tanjong Nangka (Satenaga), Kampung Tanjong Nangka; 16 April 2025 (Rabu) 9.00 pagi hingga 11.00 pagi di Stesen Minyak Pengalayan, Kampung Kapok; 22 April 2025 (Selasa) 9.00 pagi hingga 11.00 pagi di Stesen Minyak Koperasi Kampung Sungai Teraban (KKST) Berhad, Kampung Sungai Teraban; dan 24 April 2025 (Khamis) 9.00 pagi hingga 11.00 pagi di Stesen Minyak Perkhidmatan Lumut.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel : *sdt@mofe.gov.bn* atau melalui talian 233 4092.

# PENUTUPAN PERKHIDMATAN TAP SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

| Jika 1 Syawal jatuh pada: | Kaunter Perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP | |
|---|---|---|
| | Akan tutup pada: | Kembali beroperasi pada: |
| Hari Isnin, 31 Mac 2025 | Hari Isnin, 31 Mac 2025 sehingga Hari Rabu, 2 April 2025 | Hari Khamis, 3 April 2025 |
| Hari Selasa, 1 April 2025 | Hari Selasa, 1 April 2025 sehingga Hari Khamis, 3 April 2025 | Hari Jumaat, 4 April 2025 |

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kaunter perkhidmatan di semua cawangan dan Pusat Panggilan TAP akan ditutup sempena Hari Kelepasan Awam bagi Sambutan Perayaan Hari Raya Aidilfitri tertakluk kepada hasil penglihatan Anak Bulan Syawal 1446 Hijrah.

Jika 1 Syawal jatuh pada Isnin, 31 Mac 2025, kaunter perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP akan ditutup pada Isnin, 31 Mac 2025 hingga Rabu, 2 April 2025 dan kembali beroperasi pada Khamis, 3 April 2025.

Siaran Akhbar dan Infografik : Tabung Amanah Pekerja

Sementara itu, jika 1 Syawal jatuh pada Selasa, 1 April 2025, kaunter perkhidmatan dan Pusat Panggilan TAP akan ditutup pada Selasa, 1 April 2025 hingga Khamis, 3 April 2025 dan kembali beroperasi pada Jumaat, 4 April 2025.

Memandangkan Isnin, 31 Mac 2025 adalah juga merupakan penutupan akhir Tahun Kewangan TAP 2024-2025, perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah di *www.tap.com.bn* masih boleh diakses oleh ahli tetapi akan terhad kepada urusan pertanyaan sahaja melalui kemudahan *inbox*.

Manakala perkhidmatan kiosk e-Info TAP tidak akan beroperasi pada hari tersebut. Perkhidmatan-perkhidmatan seperti mendapatkan jumlah simpanan SPK, mendapatkan penyata akaun, urusan pendaftaran, pembayaran caruman, permohonan pengeluaran melalui e-Amanah akan kembali beroperasi seperti biasa pada Selasa, 1 April 2024.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 272 2929 atau melalui e-mel *ask@tap.com.bn* semasa waktu bekerja. Bagi mengetahui perkembangan terkini, ikuti laman media sosial Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Facebook atau *@TAP_Brunei* melalui Instagram.

# Pendaftaran peperiksaan SPB Jun 2025 dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 29 Mac. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan sukacita memaklumkan bahawa pendaftaran Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB) bagi bulan Jun 2025 akan dibukakan.

Peperiksaan ini dibukakan kepada calon yang berdaftar di bawah Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan (CET), serta calon persendirian.

Borang pendaftaran dan maklumat berkaitan boleh diperoleh di Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan, pada waktu pejabat mulai Isnin, 31 Mac 2025 hingga Khamis, 15 Mei 2025.

Borang-borang pendaftaran yang telah lengkap serta pembayaran bolehlah dihadapkan ke Jabatan Peperiksaan pada Isnin hingga Khamis mulai pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan pukul 1.30 petang hingga 2.30 petang, manakala Sabtu, mulai pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah lengkap berserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan tidak lewat daripada Khamis, 15 Mei 2025.

Keterangan lanjut bolehlah dirujuk dalam Surat Pemberitahuan, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan, Bilangan 05 / 2025 melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di *www.moe.gov.bn*.




# Operasi Sapu Bersih dapati pelbagai kesalahan




Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TUTONG**, Sabtu, 29 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menjalankan Operasi Sapu Bersih yang melibatkan 25 orang pegawai dan anggota-anggota yang terdiri daripada Balai Polis Tutong termasuk daripada agensi penguatkuasa undang-undang iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) seramai empat orang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) seramai 11 orang dan 14 orang daripada Jabatan Buruh dan Bahagian Penguatkuasaan Ugama (BPU).

Operasi tersebut diketuai oleh Pegawai Jenayah Daerah, Daerah Polis Tutong, ASP Ahmad Faez bin Haji Mohd. Hani bersama pegawai-pegawai dan anggota-anggota agensi yang terlibat.

Sasaran operasi tertumpu di kedai-kedai dan tempat tinggal pekerja di bangunan Tutong Central Mall, Pekan Tutong.

Hasil daripada operasi berkenaan telah mendapati enam orang ditahan atas kesalahan memiliki rokok di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais 2006; Jabatan Buruh telah mendapati tujuh kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 seperti kerja lebih masa dan tidak dibayar, cuti rehat tidak diberi, bekerja lebih masa dari yang ditetapkan, cuti awam tidak diberikan oleh majikan, cuti tahunan tidak dibayar, tempat tinggal yang tidak bersih serta melanggar syarat-syarat lesen sementara JIPK dan BPU, tidak menemukan sebarang kesalahan semasa pemeriksaan dijalankan.

Semua barang bukti disita dan kesemua suspek ditahan untuk siasatan selanjutnya.




**SEKITAR Operasi Sapu Bersih yang dilaksakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) di kawasan bangunan Tutong Central Mall, Pekan Tutong (atas dan atas kiri).**

PPDB dan agensi penguatkuasa undang-undang lain akan terus komited menjalankan usaha dalam membanteras, merisik serta membuat pemantauan berterusan ke atas sebarang kegiatan jenayah yang berlaku di Negara Brunei Darussalam.

PELITA BRUNEI



# Persiapan menjelang Syawal

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**Berjimat berbelanja menyambut kedatangan Syawal**

**ALHAMDULILLAH** Syawal kini telah tiba setelah sebulan umat Islam menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan. 1 Syawal merupakan hari di mana Muslimin dan Muslimah meraikan kemenangan dan merayakan Hari Raya Aidilfitri. Inilah hari kemenangan dan kejayaan bagi umat Islam yang berjaya melaksanakan ibadah puasa, di samping kejayaan mengharungi perjuangan melawan hawa nafsu.

Seperti yang kita maklum apabila hampirnya Syawal sudah tentu sebahagian besar kita akan sibuk membuat persiapan dan persediaan untuk menyambut kedatangan Aidilfitri. Antaranya persiapan penyediaan baju raya, hidangan makanan, kuih-muih dan sebagainya. Selain itu, persiapan juga dibuat untuk pulang berhari raya di kampung halaman bagi yang tinggal di daerah-daerah yang jauh atau pedalaman dan mungkin juga ke luar negara untuk meraikan Syawal bersama keluarga.

Namun harus kita ingat tujuan utama Hari Raya Aidilfitri adalah untuk meraikan kejayaan umat Islam yang telah melaksanakan ibadah puasa dengan penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Kerana itu sambutan yang dilakukan juga biarlah mengikut ajaran Islam dan bersederhana dalam meraikannya.

Manakala itu semasa dalam pendekatan Pelita Brunei mengenai persiapan menjelang Hari Raya Aidilfitri bersama dengan beberapa individu yang ditemui mengongsikan antara persiapan mereka termasuk penyediaan baju raya, hidangan makanan, kuih-muih dan sebagainya.

Awangku Jamil bin Pengiran Haji Omar mengongsikan, sebelum menjelangnya Hari Raya, beliau dan isteri telah membuat persiapan ketika di bulan Ramadan sehingga sehari sebelum tibanya Hari Raya. Tambahnya, meskipun meletihkan dalam membuat persiapan raya, tetapi dalam masa yang sama ia dapat menyatukan semangat kekeluargaan dan menjadi keluarga yang harmoni.

"Antara persiapan kami dalam menjelangnya Hari Raya ialah membagi tugasan dalam semua persiapan. Isteri saya akan menempah mahupun membuat kek dan biskut raya untuk disedekahkan kepada keluarga sebagai buah tangan. Pada malam raya secara lazimnya isteri saya akan menyediakan barangan masakan yang akan dimasak pada pagi raya, memotong, memasukkan kuih-muih raya ke dalam balang, dan mula membersihkan dan menyusun pinggan mangkuk yang hendak digunakan bagi hidangan di Hari Raya," jelasnya lagi.

Menurutnya lagi, beliau akan memilih warna bagi tema baju pada tahun ini dan memastikan baju siap dipotong sebelum menjelangnya Hari Raya, selain memasang langsir baharu (khas untuk edisi raya) dan membantu dalam menghias rumah.

Menyentuh mengenai perbelanjaan Hari Raya tambahnya, seperti biasa bila sudah masuk bulan puasa, terdapat macam-macam jenis promosi yang memang akan buat kita semua rambang mata untuk persiapan Hari Raya. Namun, dalam kemeriahan tersebut, janganlah kita membazir dan cara terbaik untuk mengelak pembaziran berlaku adalah dengan merancang persiapan perbelanjaan sebelum tibanya raya antaranya persiapan baju Hari Raya, duit raya, kuih-muih raya dan jamuan raya.

Bagi Dayang Serena binti Haji Janudin, persiapan Hari Raya tahun ini disambut secara sederhana dan melebihi kepada keperluan anak-anak dan cucu sahaja memandangkan merekalah yang memeriahkan suasana Aidilfitri.

Dari segi perbelanjaan pula jelasnya, sama seperti tahun-tahun sebelum ini, iaitu mengikut keperluan sahaja seperti baju raya untuk anak-anak, sedikit kuih-muih untuk menjamu tetamu yang akan berkunjung dan duit saku untuk kanak-kanak.

"Biasanya, minggu terakhir Ramadan merupakan hari yang sibuk bagi keluarga saya mengemas rumah memandangkan semua anak-anak berkumpul setelah cuti sekolah bermula. Mengenai kuih-muih pula, kami hanya membeli hidangan yang telah siap ditempah, mudah dan jimat masa. Mengemas rumah selalunya akan dilakukan setelah selesai sembahyang terawih untuk mengelak anak-anak daripada keletihan dan rasa dahaga jika dilakukan pada siang hari," tambahnya lagi.

Kesimpulannya, dalam keterujaan dan kesibukan menyediakan kelengkapan menyambut Syawal, kita hendaklah sentiasa berhemat dan bijak berbelanja, dengan mengikut keperluan yang hanya diperlukan sahaja, bukannya keinginan yang melampau sehingga boleh membebankan diri sendiri, agar Syawal tahun ini penuh bermakna untuk kita semua.






# Santuni autisme, autisme bukan kekurangan tapi perbezaan

**Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman**
**Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

**AUTISME** adalah keadaan neurologi sepanjang hayat yang bermula pada peringkat awal kanak-kanak dan boleh berlaku dalam kalangan semua jantina, bangsa dan status sosioekonomi. Autisme bukanlah sejenis penyakit yang boleh dirawat dengan ubat-ubatan dan diagnosis bagi individu autisme biasanya dibuat antara umur dua hingga tiga tahun.

Istilah Spektrum Autisme merujuk kepada pelbagai ciri di mana antara ciri yang ada pada individu autisme ialah keunikan dari segi mereka berkomunikasi dan berinteraksi secara sosial serta keunikan dari segi tingkah laku, minat dan aktiviti.

Keadaan variasi neurologi itu mengubah perkembangan seseorang daripada tipikal kepada bukan tipikal dan boleh memberikan impak kepada individu autisme berkenaan dari segi pembelajaran, kehidupan berkeluarga, peluang pekerjaan, kebolehan individu tersebut untuk berdikari dan sebagainya.

### Hari Kesedaran Autisme

Hari Kesedaran Autisme disambut pada 2 April setiap tahun. Sambutan ini merupakan satu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran dan komitmen masyarakat tentang memahami penghidap autisme untuk terus memberi sokongan kepada mereka yang berjuang dengan autisme dan juga penjaga mereka yang kuat dan sabar dalam mengharunginya.

Sambutan itu juga berperanan untuk menekankan lagi betapa pentingnya kita mengambil kira hak asasi kesemua individu yang berkelainan upaya dan memberikan mereka peluang yang saksama bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka dari semua aspek sepanjang hayat mereka.

### Apakah autisme?

Autisme ialah sejenis gangguan perkembangan saraf yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak pada fasa perkembangan mereka menerusi tiga aspek penting iaitu kemahiran komunikasi, kemampuan bersosial dan tingkah laku yang berulang atau minat yang terhad.

Dari sudut perubatan, masih belum terdapat ubat yang boleh merawat autisme. Walau bagaimanapun, terapi dapat membantu mereka untuk mendapat kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan mereka mengurus diri, belajar dan berkomunikasi dengan orang lain.

Ia empat kali lebih lazim berlaku dalam kalangan kanak-kanak lelaki berbanding perempuan.

Walaupun masih belum diperoleh ubat atau rawatan khusus, usaha untuk intervensi awal amat penting untuk proses pemulihan dan peningkatan kemahiran terutama bagi persediaan mereka untuk persekolahan dan alam dewasa.

### Autisme di Brunei Darussalam, seluruh dunia

Di seluruh dunia, kadar autisme adalah tinggi dan semakin meningkat dengan Pusat Kawalan Penyakit dan Pencegahan di Amerika Syarikat menganggarkan bahawa satu dalam 36 orang iaitu 2.8 peratus kanak-kanak berumur lapan tahun telah dikenal pasti mengalami autisme.

Kadar itu menunjukkan kenaikan daripada anggaran sebelum ini, di mana pada 2018, autisme dikenal pasti pada satu dalam 44 orang kanak-kanak iaitu 2.3 peratus.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kadar autisme juga menunjukkan peningkatan yang amat ketara. Pada 2011, hanya 36 orang kanak-kanak didiagnosis dengan autisme dan angka itu meningkat kepada 230 orang kanak-kanak pada 2023.

Setakat 21 Mac 2024 pula, Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC) telah mendiagnosis seramai 55 orang kanak-kanak dengan autisme, yang menjadikan jumlah keseluruhan kanak-kanak dengan autisme sejak 2011 seramai 1,845 orang. Secara keseluruhan, jumlah kanak-kanak yang didiagnosis dengan autisme di NBD ialah seramai 2,199 orang.

### Wujudkan rawatan autisme tersendiri

Untuk mendidik anak autisme dan bantu perkembangan anak dengan ASD, awda harus menyedari bahawa setiap daripada mereka mempunyai spektrum autisme unik dan tersendiri.

Rawatan terapi untuk anak perlulah disesuaikan mengikut keperluan individu. Pastinya awda lebih memahami keadaan anak awda, seperti :

Fahami kekuatan dan kelemahan mereka.

Kenal pasti tingkah laku yang kerap mewujudkan masalah dan isu.

Skil yang kurang pada anak.

Kaedah pembelajaran terbaik untuk anak – mendengar, melihat atau mempraktikkannya.

Perkara digemari anak.

Harus diingatkan, walau apa pun rawatan pilihan awda, penglibatan awda secara langsung adalah penting untuk memastikan kejayaan. Kehadiran awda dapat membantu anak untuk mendapatkan hasil rawatan maksimum.

### Perkembangan kanak-kanak autisme di Brunei

Perkembangan kanak-kanak autisme adalah sesuatu yang diberikan perhatian khusus di Brunei. CDC, Kementerian Kesihatan bukan saja menyediakan perkhidmatan pemantauan kesihatan secara kerap, tetapi juga memberikan pelbagai perkhidmatan bagi menyokong perkembangan awal kanak-kanak autisme.

Antara perkhidmatan yang diberikan ialah khidmat nasihat perubatan, perkhidmatan jurupulih pertuturan, pemulihan tertentu termasuk pemulihan anggota, pemulihan cara kerja, perkhidmatan penjagaan pergigian, perkhidmatan program perkembangan awal (bagi persediaan prasekolah), perkhidmatan audiologi, guru bagi kanak-kanak kurang pendengaran serta perkhidmatan psikologi.

Di samping itu, pusat tersebut juga menyediakan program pendidikan bagi para ibu bapa mengenai autisme, yang mana berjalan seminggu sekali selama dua bulan bagi mereka yang anaknya baru didiagnosis dengan autisme.

Sementara itu, NBD juga perlu bersedia untuk menyokong dan memberi keprihatinan terhadap individu dengan autisme kerana autisme adalah kondisi seumur hidup. Kesemua individu autisme juga akan meningkat tua kerana secara umumnya mereka mempunyai jangka hayat yang sama dengan orang yang tidak mengalami autisme.

Selain itu, kita sebagai masyarakat di negara ini perlu memastikan kesemua individu yang berkelainan upaya diberikan peluang yang saksama bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka dari semua aspek sepanjang hayat mereka.

Apa yang dihasratkan adalah bagi semua individu autisme mendapat kehidupan yang berkualiti tinggi dan peluang yang sama dengan orang lain dari segi pencapaian pendidikan, pekerjaan dan kesemua aspek kehidupan sepanjang hayat mereka.

Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia itu juga memainkan peranan untuk meraikan pencapaian yang mampu diperoleh oleh setiap individu autisme serta memberikan harapan supaya kita semua akan lebih prihatin terhadap keperluan, keunikan, keistimewaan dan cabaran yang dialami oleh individu-individu autisme supaya NBD akan menjadi sebuah negara yang lebih inklusif dan penyayang.

### Menghadapi kanak-kanak autisme semasa sambutan raya

Hari Raya hanya disambut sekali setahun, anak awda mungkin tidak biasa dengan adat atau tradisi keluarga tertentu. Ini boleh membawa kepada sedikit cabaran jika mereka berasa tidak selesa. Agar perayaan berjalan lancar, ia boleh membantu mendedahkan anak awda kepada aspek tertentu yang mungkin mereka dapati mencabar sebelum perayaan sebenar. Beberapa adat biasa yang kanak-kanak autisme dapati mencabar musim perayaan ini ialah seperti memakai baju raya, memberi salam, mengucapkan dan menyambut salam Hari Raya serta ke masjid untuk sembahyang raya.

Sesetengah kanak-kanak autisme mungkin mendapati perubahan dalam rutin sukar. Untuk membantu anak awda bertolak ansur dengan perubahan ini dan mengetahui kejadian harian, tunjukkan kepada anak awda jadual perjalanan untuk hari itu.

Awda perlu bercakap dengan mereka tentang perayaan seperti rumah siapa yang akan mereka lawati, keluarga atau rakan yang akan berada di sana, perkara yang akan mereka lakukan, dan lain-lain lagi. Jika anak awda mempunyai keperluan pemakanan atau pilihan makanan tertentu, bawa bersama sesuatu yang boleh dimakan oleh anak awda.

Awda mungkin melihat amukan atau tingkah laku bermasalah semasa musim perayaan disebabkan oleh perubahan dalam rutin dan persekitaran, serta peningkatan rangsangan. Dalam perayaan seperti muzik yang kuat, bunga api, ruang yang sesak di rumah terbuka, lampu berkelip dan hiasan berwarna-warni, boleh mengubah sikap anak awda.

Awda perlu kenal pasti ruang yang tenang atau peribadi untuk anak awda berusaha untuk bertenang. Awda juga harus mempunyai makanan, mainan atau alat pilihan yang berguna sebagai hadiah jika anak awda sudah bersikap tenang. Apa yang penting awda jangan lupa untuk sentiasa membawa bersama awda beberapa mainan atau alat untuk anak awda semasa waktu rehat.

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# PERDANA MENTERI KEMBOJA LUAH KESEDIHAN TRAGEDI GEMPA BUMI DI MYANMAR, THAILAND

**PHNOM PENH**, 29 Mac. - Perdana Menteri Kemboja Hun Manet menyampaikan ucapan takziah kepada kerajaan Thailand dan Myanmar susulan gempa bumi yang melanda kedua-dua negara itu pada Jumaat.

Dalam hantaran di Facebook, beliau turut menyuarakan kebimbangan terhadap mereka yang terkesan akibat bencana alam itu serta menasihatkan rakyat Kemboja yang bekerja di kedua-dua negara agar mengambil langkah keselamatan.

"Pertama sekali, saya ingin menyampaikan ucapan takziah kepada kerajaan Thailand dan kerajaan Myanmar serta rakyat yang terjejas akibat gempa bumi di Thailand dan Myanmar pada petang Jumaat," kata Hun Manet.

Gempa bumi kuat berukuran 7.7 pada skala Richter melanda kedua-dua negara Asia Tenggara itu pada petang Jumaat, menyebabkan kemusnahan kepada bangunan, infrastruktur serta kawasan perumahan.

"Keutamaan kerajaan Kemboja adalah kebajikan rakyat Khmer yang tinggal dan bekerja di Myanmar serta Thailand, khususnya di kawasan yang terjejas akibat gempa bumi.

Kedutaan Kemboja di Myanmar dan Thailand bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi memberikan bantuan kepada pekerja yang menghadapi kesulitan," katanya.

Di Myanmar, Pengerusi Majlis Pentadbiran Negara, Jeneral Kanan Min Aung Hlaing mengisytiharkan darurat selepas bencana itu.

"Saya telah mengisytiharkan darurat di semua kawasan terjejas dan telah membuka semua saluran yang ada untuk menerima bantuan antarabangsa. Saya ingin menjemput mana-mana negara atau organisasi untuk datang membantu sami, rahib serta rakyat Myanmar yang memerlukan," katanya dalam perutusan kepada rakyat pada Jumaat. - ©BERNAMA

# Bangladesh mohon bantuan China urus sistem sungai

**NEW DELHI**, 29 Mac. - Ketua Penasihat Kerajaan Sementara Bangladesh, Muhammad Yunus, semasa lawatannya ke China pada Jumaat, meminta bantuan China dalam menguruskan sistem sungai yang luas di negaranya.

Bangladesh sedang berusaha mendapatkan pelan induk 50 tahun untuk menguruskan sistem sungai dan airnya, kata pemimpin sementara itu.

Yunus mengadakan perbincangan dengan Menteri Sumber Air China, Li Guoying, di Beijing pada hari ketiga lawatan rasmi empat hari ke negara itu.

Bangladesh mempunyai kira-kira 800 sungai yang menawarkan potensi besar dalam sektor pelancongan, perikanan dan pengangkutan air.

Bagaimanapun, negara itu menghadapi masalah pengurusan sungai dan isu alam sekitar yang sukar memandangkan 85 peratus daripada 170 juta penduduknya tinggal di kawasan dataran rendah yang terdedah kepada banjir.

Yunus juga memuji sistem pengurusan air dan banjir China yang cekap serta berharap Bangladesh dapat memanfaatkan pengalaman China dalam menyelesaikan masalah berkaitan sungai.

"Kami mempunyai negara yang bersilang dengan ratusan sungai. Air memberi kita kehidupan, tetapi kadangkala ia menjadi musuh. Kini dengan pertambahan populasi yang mendadak, kita perlu lebih berhati-hati terhadap kesan buruk ke atas ekosistem," kata pemimpin sementara itu dipetik agensi berita Bangladesh Sangbad Sangstha.

Dalam pertemuan pada Jumaat, Yunus dan Presiden China, Xi Jinping, memutuskan untuk meluaskan hubungan Bangladesh-China menerusi kerjasama dalam beberapa bidang.

Bangladesh dan China turut membincangkan projek-projek infrastruktur, taman perindustrian serta lebih banyak pelaburan sektor swasta China dalam sektor pembuatan di Bangladesh.

Selain itu, China turut menyatakan minat untuk memulakan rundingan mengenai perjanjian perdagangan bebas dua hala, menurut laporan media Bangladesh. - ©BERNAMA

# Singapura hantar kontinjen Operasi Lionheart untuk usaha menyelamat mangsa gempa bumi Myanmar

**SINGAPURA**, 29 Mac. - Kontinjen Operasi Lionheart (OLH), Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) dikerahkan pada Sabtu bagi membantu operasi menyelamat di Myanmar susulan gempa bumi pada Jumaat.

SCDF dalam hantaran di Facebook memaklumkan bahawa kontinjen 80 anggota yang diketuai Kolonel Tay Zhi Wei itu berlepas dari Lapangan Terbang Changi sekitar 1.20 tengah hari sebagai tindak balas kepada permintaan bantuan kemanusiaan berikutan bencana itu.

Kontinjen itu terdiri daripada anggota penyelamat Pasukan Bantuan dan Menyelamat Bencana (DART), 'Operationally Ready National Servicemen' (ORNS), doktor perubatan perkhidmatan negara sepenuh masa, paramedik, pakar pencarian bersama empat ekor anjing pengesan, pakar bahan berbahaya serta pegawai sokongan.

"Kontinjen OLH membawa pelbagai peralatan mudah alih Mencari dan Menyelamat di Kawasan Bandar (USAR) seperti peralatan pemotongan, pemecahan dan pengangkatan, selain alat pengesan hayat serta skop gentian optik," menurut SCDF.

Sejak penubuhan OLH pada 1990, pasukan itu telah dikerahkan ke seluruh rantau Asia Pasifik untuk memberi bantuan kemanusiaan kepada negara-negara yang dilanda bencana besar, termasuk runtuhan Highland Towers di Malaysia, gempa bumi dan tsunami di Jepun serta gempa bumi Christchurch pada 2011.

Selain itu, tiga pegawai SCDF turut dihantar ke Myanmar sebagai sebahagian daripada Pasukan Respons dan Penilaian Kecemasan ASEAN (ASEAN - ERAT) di bawah Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan bagi Pengurusan Bencana ASEAN (AHA Centre).

Tugas utama ASEAN-ERAT adalah menjalankan penilaian pantas serta menentukan sumber kritikal yang diperlukan bagi kawasan yang terjejas akibat gempa bumi.

Gempa bumi berukuran 7.7 magnitud yang melanda berhampiran Sagaing, Myanmar, sekitar 12.50 tengah hari waktu tempatan pada Jumaat setakat ini telah meragut 1,002 nyawa, dengan ramai lagi dilaporkan cedera dan hilang. - ©BERNAMA

# Perantau Indonesia pulang beraya guna feri

**MELAKA**, 29 Mac. - Kemeriahan menjelang Aidilfitri kian terasa apabila lebih 1,000 perantau warga Indonesia pulang ke kampung halaman masing-masing sejak awal minggu ini, melalui Terminal Feri Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Kota Laksamana di sini.

Tinjauan Bernama mendapati pintu masuk laluan laut ke Dumai dan Bengkalis, Indonesia dari Melaka itu mula dipenuhi perantau Indonesia, pelancong luar negara serta warga Malaysia berketurunan dari negara seberang itu, sejak 7 pagi malah ada yang tiba seawal 5 pagi untuk menaiki feri yang berlepas ke Dumai pada 10 pagi.

Kesibukan di terminal feri itu juga dapat dilihat apabila terdapat majikan yang menghantar pekerja mereka sama ada secara individu atau berkumpulan pulang untuk beraya.

Bagi Nor Hazlinda Mohd. Wipah, 27, dia memilih beraya di kampung sebelah ibunya di Pekan Baru memandangkan kali terakhir pulang adalah pada 2019 iaitu sebelum penularan pandemik COVID-19.

"Ini pengalaman kali pertama saya beraya di negara orang kerana menemani ibu yang sudah lama tidak pulang beraya di kampungnya di Indonesia dan itu sesuatu yang menyeronokkan walaupun terpaksa menempuh perjalanan lebih dua jam melalui laut dan lima hingga enam jam lagi bagi perjalanan darat," katanya yang menetap di Kuantan Pahang.

Nor Hazlinda dan ibunya tiba di ICQS Melaka sekitar 6 pagi dan terkejut dengan suasana di jeti berkenaan yang dipenuhi perantau yang mahu pulang beraya.

"Saya agak selesa walaupun dijangka feri penuh hari ini kerana masing-masing pasti berebut tempat memandangkan kekerapan perjalanan feri agak terhad iaitu dua kali sehari sempena hari raya ini, pada 10 pagi dan 2 petang," katanya.

Sementara itu, Ahmad Dariman Hariyanto, 35, pula, pulang beraya ke Bengkalis melalui pengangkutan laut sudah menjadi tradisinya semenjak bekerja di Kuala Lumpur sejak lima tahun lepas kerana lebih murah dan mudah.

"Setiap tahun terutamanya hari-hari terakhir Ramadan, memang feri akan penuh. Saya tempah tiket sejak dua minggu lepas dan mujur dapat kerana kapasiti feri sekitar 200 hingga 300 penumpang, bergantung kepada pengendali feri sama ada Kingdom atau Dynasty.

"Jadi kena datang awal kerana perlu melalui pemeriksaan kastam yang agak mengambil masa tetapi secara keseluruhannya, pengurusan dari kaunter hinggalah pelepasan, semuanya sangat lancar," katanya. - ©BERNAMA

# Art Basel Hong Kong dibuka

**HONG KONG**, 29 Mac. - Art Basel Hong Kong dibuka pada hari Jumaat di Pusat Konvensyen dan Pameran Hong Kong, mempamerkan karya seni dari 240 galeri di seluruh dunia hingga Ahad. Edisi Hong Kong daripada pameran seni terbesar di dunia tahun ini menampilkan enam bahagian, menumpahkan perhatian pada kedua-dua galeri cip biru dan artis bebas.

"Pengumpul dari Hong Kong dan Tanah Besar China adalah dua kumpulan peserta terbesar tahun ini, sementara kehadiran pengumpul dari Asia Tenggara, terutama Singapura dan Filipina, meningkat dengan ketara," kata Angelle Siyang-le, pengarah Art Basel Hong Kong.

Pada acara yang berasingan pada hari Jumaat, Ketua Pegawai Eksekutif Art Basel, Noah Horowitz, berkata peranan Hong Kong menghubungkan tanah besar dengan seluruh dunia memberi ganjaran.

"Saya sangat bangga melihat sebuah bandar yang sangat kaya dengan budaya dan mempunyai budaya kontemporari yang ditakrifkan," kata Horowitz, memetik peningkatan galeri biru dan rumah lelongan di Hong Kong.

Art Basel ditubuhkan di Basel, Switzerland pada tahun 1970, dan pertama kali datang ke Hong Kong pada tahun 2013. Ia kini diadakan di Basel, Miami dari Amerika Syarikat dan Hong Kong setiap tahun. - ©XINHUA

# Indonesia tawar sokongan susulan gempa bumi Myanmar-Thailand

**JAKARTA**, 29 Mac. - Presiden Indonesia Prabowo Subianto merakamkan ucapan takziah dan berikrar memberikan sokongan susulan gempa bumi kuat yang melanda Myanmar dan Thailand.

Gempa bumi dengan magnitud 7.7 melanda Myanmar pada Jumaat, menyebabkan kerosakan infrastruktur yang ketara dan mendorong kerajaan tentera Myanmar mengisytiharkan darurat.

Gegaran turut dirasai di bandar berdekatan, termasuk Chiang Mai, Bangkok dan Ho Chi Minh City, mengakibatkan kemusnahan meluas serta mengorbankan lebih 140 orang, terutamanya di Myanmar.

Dalam kenyataan di akaun rasmi X beliau, Presiden Prabowo berkata : "Saya mengucapkan takziah yang mendalam atas gempa bumi dahsyat yang melanda Myanmar dan Thailand. Doa dan ingatan kami bersama rakyat kedua-dua negara pada masa yang sukar ini."

Beliau menambah bahawa Indonesia bersedia untuk menyediakan semua sokongan yang diperlukan untuk usaha pemulihan di kawasan yang terjejas.

Indonesia sebelum ini telah menghantar 15 anggota pasukan perubatan serta 50.5 tan bekalan, termasuk bahan perubatan, makanan dan logistik, bagi membantu Vanuatu susulan gempa bumi pada 17 Disember tahun lepas.

Dalam perkembangan lain, Kementerian Luar Indonesia mengesahkan bahawa tiada warganegaranya yang terjejas dalam gempa bumi di Myanmar.

Kedutaan Indonesia di Yangon sedang memantau dengan rapat situasi dengan pihak berkuasa tempatan, manakala kira-kira 250 rakyat Indonesia di Myanmar, termasuk di Mandalay, melaporkan mereka selamat.

Di Thailand, di mana seramai 2,379 rakyat Indonesia menetap, kedutaan di Bangkok tidak menerima sebarang laporan mengenai warganegara yang terjejas akibat gempa bumi itu, menurut kenyataan kementerian.

Pihak berkuasa di Myanmar dan Thailand terus menilai tahap kemusnahan sepenuhnya, dengan bantuan antarabangsa mula tiba. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# KES MPOX DI UGANDA CECAH 4,810, ANGKA KEMATIAN KEPADA 37

**KAMPALA**, 30 Mac. - Jumlah kumulatif kes mpox yang disahkan di Uganda telah mencecah 4,810, dengan 37 kematian dilaporkan sejak wabak itu diisytiharkan di negara Afrika Timur itu lapan bulan lepas, lapor Xinhua yang memetik Kementerian Kesihatan Uganda.

Menurut laporan situasi nasional yang dikeluarkan kementerian pada Sabtu, sebanyak 13 jangkitan baharu dan enam kematian direkodkan dalam tempoh 24 jam lepas.

"Tiada kematian dilaporkan dalam kalangan petugas kesihatan," menurut kementerian itu, sambil menegaskan peningkatan kes dengan kadar penularan tertinggi dalam kalangan golongan dewasa muda di kawasan bandar.

"Kejadian kes mpox terus meningkat, dengan puncak tertinggi dicatatkan pada Mac 2025. Individu berusia 25 hingga 29 tahun merupakan kumpulan paling terjejas," menurut laporan itu. "Ini menunjukkan keperluan untuk usaha kesedaran dan vaksinasi yang lebih tertumpu kepada golongan dewasa muda, khususnya di pusat bandar."

Pada Jumaat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memberi amaran bahawa Uganda mencatatkan jumlah penularan kes mpox dalam komuniti paling tinggi di dunia.

"Negara ini sedang mengalami penularan dalam komuniti, dan jumlah kes mingguan di peringkat nasional semakin meningkat dari semasa ke semasa," menurut WHO.

Pihak berkuasa kesihatan Uganda telah mempergiat pemantauan, pengurusan kes serta usaha meningkatkan kesedaran awam bagi membendung penularan virus itu.

Mpox, atau dikenali sebagai cacar monyet, adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus monkeypox. Ia merebak melalui sentuhan rapat dan boleh menyebabkan gejala seperti demam, pembengkakan kelenjar limfa, sakit tekak, sakit otot, ruam kulit serta sakit belakang. - ©BERNAMA

# Kebanyakan negara Arab sambut Aidilfitri pada hari Ahad

**ISTANBUL**, 30 Mac. - Umat Islam di kebanyakan negara Arab akan menyambut Aidilfitri pada Ahad, menandakan berakhirnya bulan Ramadan.

Anadolu Ajansi (AA) melaporkan pihak berkuasa agama di Arab Saudi, Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) mengesahkan bahawa anak bulan telah kelihatan pada Sabtu.

Dengan itu, Aidilfitri akan diraikan pada Ahad.

Pengumuman serupa turut dibuat oleh Pejabat Wakaf Sunni di Yaman dan Iraq.

Bagaimanapun, Oman memaklumkan bahawa negara itu akan menyambut Aidilfitri pada Isnin susulan anak bulan Syawal tidak kelihatan.

Aidilfitri merupakan satu daripada dua perayaan utama dalam Islam, selain Aidiladha. - ©BERNAMA

# Pesawat terhempas di kawasan perumahan Minnesota, AS

**LOS ANGELES**, 30 Mac. - Sebuah pesawat kecil terhempas di kawasan perumahan di Minnesota, Amerika Syarikat pada Sabtu, menyebabkan sebuah rumah terbakar, lapor Xinhua memetik kenyataan Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) AS.

Pesawat jenis SOCATA TBM7 itu dilaporkan terhempas di sebuah rumah sekitar 12.20 tengah hari waktu tempatan (1920 GMT), menurut agensi itu.

"Pesawat itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Des Moines di Iowa dan dilaporkan menuju ke Lapangan Terbang Anoka County-Blaine di Minneapolis," kata FAA, sambil menambah bahawa jumlah penumpang di dalam pesawat masih belum dapat dipastikan.

Media tempatan, memetik Jabatan Bomba Brooklyn Park melaporkan bahawa tiada mangsa terselamat dalam kejadian itu.

Saksi memberitahu stesen televisyen KARE 11 bahawa nahas pesawat itu mencetuskan kebakaran di sebuah rumah di Brooklyn Park.

Pasukan bomba memaklumkan dalam sidang media bahawa tiada penghuni berada di dalam rumah ketika kebakaran berlaku.

Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan AS (NTSB) dalam satu kenyataan mengesahkan bahawa siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian. - ©BERNAMA

# Bangkok gesa pemilik bangunan lakukan pemeriksaan keselamatan

**BANGKOK**, 30 Mac. - Pentadbiran Metropolitan Bangkok (BMA) menggesa pemilik dan penghuni bangunan di seluruh ibu negara untuk melantik pemeriksa bertauliah bagi menilai keutuhan struktur serta melaksanakan sebarang pembaikan, pengukuhan atau naik taraf yang diperlukan bagi memastikan keselamatan awam.

Dalam satu kenyataan pada Ahad, Gabenor Bangkok Chadchart Sittipunt menegaskan bahawa proses pemeriksaan itu mesti dilakukan dalam tempoh dua minggu bagi memastikan keselamatan semua penghuni.

"Inisiatif ini bertujuan memastikan keselamatan, kestabilan dan kefungsian bangunan sejajar dengan standard kejuruteraan dan undang-undang berkaitan. Pemilik bangunan dikehendaki memberikan kerjasama dalam pemeriksaan ini kerana pemeriksaan tahunan diwajibkan oleh undang-undang," katanya.

Beliau berkata pemilik bangunan perlu mengemukakan maklumat terperinci melalui Google Form, termasuk nama pemilik, nama dan nombor lesen pemeriksa serta penilaian pemeriksa mengenai keselamatan bangunan atau keperluan untuk sebarang penambahbaikan.

"Usaha kerjasama ini membolehkan BMA memantau keadaan keseluruhan bangunan di Bangkok dengan lebih berkesan," kata Chadchart.

Gabenor itu turut mendedahkan bahawa penduduk Bangkok telah melaporkan kira-kira 9,500 kes kebimbangan struktur melalui platform Traffy Fondue, peralatan digital yang dibangunkan BMA untuk menerima aduan.

Sementara itu, Chadchart mengumumkan bahawa BMA telah meminta individu yang mempunyai permit bagi kren menara dan kren derik di tapak pembinaan supaya memeriksa kestabilan dan keselamatan struktur berkenaan sebelum digunakan.

"Langkah berjaga-jaga ini bertujuan mengelakkan risiko terhadap kesihatan awam, nyawa dan harta benda. Inisiatif ini menegaskan komitmen Bangkok dalam memastikan keselamatan awam serta mengekalkan keyakinan terhadap kebolehgunaan infrastruktur bandar," katanya.

Pada Sabtu, BMA mengisytiharkan enam kondominium yang mengalami kerosakan teruk sebagai tidak selamat untuk didiami susulan gempa bumi kuat di Myanmar yang menyebabkan gegaran ketara di ibu negara Thailand pada Jumaat.

Gegaran itu mengakibatkan kerosakan meluas di Bangkok, termasuk sebuah bangunan yang sedang dalam pembinaan serta kren di beberapa tapak pembinaan, runtuh.

Angka kematian di Bangkok akibat gempa bumi pada Jumaat meningkat kepada 17 orang, dengan 32 lagi cedera dan lebih 70 masih dilaporkan hilang. - ©BERNAMA

# Kerajaan Venezuela umum kepulangan 229 migran dari AS

**CARACAS**, 30 Mac. - Kerajaan Venezuela pada Sabtu mengumumkan bahawa seramai 229 rakyatnya akan pulang dari Amerika Syarikat (AS) pada Ahad, lapor Xinhua.

"Esok, Pelan Pulang ke Tanah Air disambung semula dengan ketibaan penerbangan yang membawa rakan senegara kita dari AS," kata Presiden Dewan Negara dan Ketua Perunding dengan AS, Jorge Rodriguez dalam satu kenyataan.

Rodriguez berkata bahawa penerbangan itu dijadualkan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Simon Bolivar sekitar tengah hari pada 30 Mac.

Sejak dilancarkan pada 2018, Pelan Pulang ke Tanah Air memudahkan kepulangan hampir sejuta rakyat Venezuela. - ©BERNAMA

# 2 maut dalam nahas pesawat ringan di Filipina – Media tempatan

**MANILA**, 30 Mac. - Sebuah pesawat ringan terhempas di wilayah Pangasinan, utara Manila pada pagi Ahad, mengorbankan juruterbang dan seorang pelajar, lapor Xinhua memetik media tempatan.

Pesawat latihan itu menjunam dan terhempas di kawasan lapang di bandar Lingayen, menyebabkan kedua-dua mangsa maut di tempat kejadian, menurut pihak berkuasa tempatan yang dipetik oleh beberapa media.

Tiada laporan mengenai mangsa lain setakat ini.

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Filipina belum mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung insiden itu. - ©BERNAMA

# 50 cedera dalam kebakaran rumah jagaan di Hanover, Jerman

**HANOVER (Jerman)**, 30 Mac. - Kebakaran tercetus di sebuah rumah jagaan di Hanover, Jerman mengakibatkan kira-kira 50 orang cedera, lapor Xinhua memetik kenyataan polis pada Sabtu.

Menurut akhbar Jerman Bild, tiga individu cedera parah dalam kejadian itu.

Kebakaran dikesan oleh kakitangan rumah jagaan di satu daripada bilik pusat penjagaan itu.

Pasukan bomba berjaya menghalang api daripada merebak ke bilik lain, namun beberapa bahagian bangunan mengalami kerosakan akibat asap tebal.

Siasatan mengenai punca kebakaran masih dijalankan. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI

ePaper Pelita Brunei

PELITA BRUNEI SUKAN

# SABALENKA RAIH GELARAN TERBUKA MIAMI, TEWASKAN PEGULA

**MIAMI**, 30 Mac. - Pemain nombor satu dunia, Aryna Sabalenka berjaya merangkul gelaran Terbuka Miami selepas menewaskan Jessica Pegula dalam aksi final, Sabtu lalu.

Sabalenka, yang tewas di Terbuka Australia kepada Madison Keys dan di Indian Wells kepada Mirra Andreeva – tampil lebih garang kali ini untuk melakar kemenangan 7-5, 6-2 ke atas pilihan keempat dari Amerika Syarikat itu.

"Saya benar-benar tidak dapat berkata apa-apa.

Beberapa final sebelum ini sangat sukar dan padat, jadi kali ini saya hanya fokus pada permainan sendiri.

Saya bermain mata demi mata, dan kemenangan ini sangat istimewa," kata Sabalenka selepas kejayaan itu.

Ini merupakan gelaran kedua musim ini buat bintang Belarus itu selepas turut meraih kejayaan di Kejohanan Antarabangsa Brisbane pada Januari lalu, sekali gus mengukuhkan cengkamannya di ranking teratas dunia. - ©BERNAMA

# NSTDP realisasikan impian sepak takraw setanding sukan lain

**KUALA LUMPUR**, 29 Mac. - Program Pembangunan Sepak Takraw Negara (NSTDP) yang bakal dilancarkan Persatuan Sepaktakraw Malaysia (PSM) pada April ini, meletakkan sepak takraw setanding dengan sukan lain yang sudah mempunyai program pembangunan khusus.

NSTDP yang merupakan kesinambungan kepada program pembangunan sedia ada sebagai medium melahirkan lebih ramai pemain berbakat serta berkualiti untuk diketengahkan, perlu mendapat kerjasama kukuh di peringkat negeri agar keputusan positif dapat dihasilkan.

Jika pencarian bakat baharu program pembangunan sedia ada lebih tertumpu kepada kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), NSTDP dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN) dan Kementerian Pendidikan (KPM) akan menumpukan kepada pencarian bakat di peringkat sekolah melibatkan murid berusia 10 hingga 17 tahun.

Pemain apit kanan skuad negara Muhammad Shahalril Aiman Halim berkata semua negeri boleh memainkan peranan masing-masing untuk mencari bakat baharu bagi sukan sepak takraw menerusi NSTDP itu.

"Pada masa sama, bakat yang dicungkil ini akan menjadi penyambung kepada legasi pemain sedia ada," katanya.

Sebelum ini, sukan dengan pelaksanaan program pembangunan khusus ialah hoki (NHDP), bola sepak (NFDP), ragbi (NRDP) dan bola jaring (NNDP) telah menampakkan hasil melalui beberapa pencapaian pemain di pentas antarabangsa.

Selain NSTDP, Muhammad Shahalril Aiman berkata satu lagi inisiatif PSM iaitu Akademi Sepak Takraw Malaysia (ASTM) juga akan menjadi kenyataan pada Jun tahun ini.

"Dengan adanya akademi ini, ia merupakan sesuatu yang baik untuk generasi akan datang. Ia akan beri nilai tambah kepada pemain supaya lebih bersemangat untuk bersaing," katanya.

Sukan sepak takraw menunjukkan peningkatan selepas mengecapi beberapa kejayaan di pentas antarabangsa selain mencipta sejarah apabila muncul juara berganda pada Piala Dunia Sepak Takraw 2024, menewaskan musuh tradisinya Thailand. - ©BERNAMA

# Muhammad Haikal sasar kembali beraksi di Malaysia Masters 2025

**KUALA LUMPUR**, 30 Mac. - Pemain beregu lelaki negara, Muhammad Haikal Nazri terpaksa menunggu selewat-lewatnya Mei ini sebelum dapat kembali menyertai sebarang kejohanan kompetitif bersama gandingannya, Choong Hon Jian.

Ia susulan pemain berusia 22 tahun itu masih belum pulih daripada kecederaan otot paha dialaminya semasa sesi latihan pada Disember tahun lepas.

Menurut Muhammad Haikal, ketika ini beliau sedang memberi fokus kepada proses rehabilitasi di Akademi Badminton Malaysia (ABM).

"Kalau ikutkan kecederaan saya memang teruk kerana otot paha koyak lapan sentimeter. Jadi sekarang memang fokus kepada rehat dan tiada keperluan untuk buat pembedahan pada masa ini," katanya kepada Bernama.

Sementara itu, Muhammad Haikal mengakui kecederaan dialaminya itu memberikan kesan kepada ranking dunia mereka apabila terkeluar daripada kelompok 30 terbaik dalam acara beregu lelaki, dengan berada di kedudukan ke-31.

Justeru, beliau berharap kecederaan dialaminya itu dapat pulih selewat-lewatnya sebelum saingan Masters Malaysia 2025 pada 20 hingga 25 Mei di Axiata Arena, Bukit Jalil.

"Saya memang rindu untuk kembali beraksi di gelanggang dan kini sedang cabar diri untuk buat kemunculan semula. Saya harap di Masters Malaysia nanti, saya dan Hong Jian dapat beraksi semula," katanya.

Mengenai sambutan Aidilfitri tahun ini, Muhammad Haikal mengakui sangat gembira apabila diberikan cuti untuk menyambut perayaan bersama keluarga di Kelantan.

Menurutnya, raya tahun ini sedikit berbeza berbanding tahun lepas apabila hampir kesemua ahli keluarganya pulang beraya di kampung halaman mereka. - ©BERNAMA

# Djokovic tewaskan Dimitrov, mara ke final Terbuka Miami

**LONDON**, 30 Mac. – Novak Djokovic mempamerkan aksi dominan untuk mara ke final Terbuka Miami selepas menewaskan Grigor Dimitrov dalam straight set, selangkah lagi untuk meraih gelaran juara ke-100 dalam kerjayanya.

Juara Grand Slam 24 kali itu hanya memerlukan 69 minit untuk mencatat kemenangan 6-2, 6-3 ke atas pemain Bulgaria itu pada Jumaat, lapor PA Media/dpa.

Djokovic, 37, kini memburu gelaran ke-100, kejuaraan ketujuh di Florida dan yang pertama sejak bekerjasama dengan Andy Murray sebagai jurulatihnya.

Walaupun kehilangan servis pertama, Djokovic menguasai set pertama dalam hanya 30 minit dengan hanya melakukan dua kesilapan sendiri.

Beliau terus mendominasi set kedua - hanya gagal enam kali dalam servis pertama sepanjang perlawanan - sekali gus menempah slot ke final kelapan di Miami dan yang pertama sejak Shanghai pada Oktober.

Bercakap kepada Sky Sports selepas kemenangan separuh akhirnya, Djokovic berkata : "Ia satu perasaan yang hebat. Saya tidak menyangka saya akan memperbaiki peratusan servis pertama dari perlawanan sebelum ini, tetapi saya berjaya dan itu sangat membantu di gelanggang.

Ia perlawanan yang sukar kerana angin berputar dan tidak konsisten, tetapi saya belum kalah satu set pun dalam kejohanan ini dan saya rasa ini adalah prestasi terbaik saya sejak Olimpik tahun lepas."

Djokovic meraih gelaran juara pertamanya di Miami pada 2007 ketika berusia 19 tahun, dan pada Ahad ini, beliau akan bersaing untuk menambah koleksi ke-100 menentang sama ada Jakub Mensik atau Taylor Fritz. - ©BERNAMA